



● BIL 268 ● 28 JUN - 4 JULAI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

WAYANG POLITIK



MALAYSIA
AIRPORTS

BlackRock®

Ujian MADANI
di Sungai Bakap
>> 7

Menoleh era gemilang
surat khabar
>> 8

Industri tuna
kian merana
>> 9-11



BLACKROCK adalah syarikat senaraian awam dan tidak dimiliki rakyat Israel. - Gambar hiasan

Kenali BlackRock terlebih dahulu Rakyat usah terbuai helah politik

AINI MAWAWI

RAKYAT dinasihatkan tidak terbuai dengan sentimen politik yang mengaitkan Israel dalam isu penyertaan syarikat asing dalam penstrukturan semula kepentingan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB). Helah politik ini dilihat hanya digunakan oleh pihak pembangkang semata-mata untuk meraih kuasa dan memburukkan kerajaan.

Aktivis politik, **Liyana Marzuki** berpandangan, rakyat perlu mendapatkan fakta dan data yang betul selain memahami siapa sebenarnya BlackRock.

“BlackRock adalah syarikat pelaburan antarabangsa yang terbesar di dunia menguruskan aset global bernilai kira-kira AS\$10 trilion dan sudahpun berada di Malaysia sejak penghujung 1990-an.

“Disebabkan ia merupakan sebuah syarikat pengurusan aset global terkemuka maka, ia mempunyai saham merata-rata di dunia seperti di Amerika Syarikat, Israel, Saudi Arabia dan kebanyakan negara Islam.

“Jadi, kalau kita faham BlackRock adalah syarikat senaraian awam dan tidak dimiliki rakyat Israel serta bukan entiti politik, maka kita tidak akan terbuai dengan sentimen yang dibawa pembangkang,” ujar beliau.

Malah, tambah beliau seperti yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, BlackRock beroperasi di Kelantan,



LIYANA

Selangor, Sarawak, seluruh negara serta dalam pasaran saham.

“Setakat Mei 2024, BlackRock sebagai sebuah firma pelaburan global sudah memiliki pelaburan ekuiti di dalam 100 syarikat tersenarai di Malaysia. Data menunjukkan BlackRock mempunyai kepentingan dalam saham Bursa Malaysia bernilai RM24.7 bilion serta RM7.9 bilion dalam bon kerajaan dan korporat di Malaysia.

“Ia bukan perkara baharu, malah Perdana Menteri terdahulu berjumpa dengan BlackRock untuk menambah pelaburan dalam negara disebabkan dana mereka yang besar. Jadi, pihak yang mengatakan ia sekutu Israel bagi saya hanyalah helah politik. Rakyat kena tahu itu,” ujar beliau.

Tambahnya, usah melihat sentimen yang dibawa oleh mana-mana ahli politik kerana tugas mereka hanya untuk membenamkan pihak lawan.

“Pada saya, isu yang dibangkitkan ini hanya satu helah untuk mengenakan kerajaan walaupun selama ini di negeri pembangkang sudah ada pelaburan daripada BlackRock.

“Sebagai contoh, jika ia syarikat yang membuat jet perang Israel dan memang datang dari Israel, hendak masuk ke sini memanglah kita boleh tolak. Tetapi jika ia satu syarikat yang ada di merata dunia dan jika ditolak akan menjejaskan ekonomi kita, kenapa dibawa isu politik sampai sebegitu sekali?”

ujar beliau.

Mengulas lanjut, beliau yang juga peguam dan penulis bebas memahami sentimen rakyat untuk memboikot demi membantu Palestin namun ia perlulah memboikot secara strategik.

“Boikot secara strategik adalah boikot syarikat-syarikat yang memang datang dari Israel bukan syarikat proksi yang melabur di Israel, di mana mereka juga ada melabur di negara Islam.

“Sebagai contoh syarikat perkapalan berpangkalan di Israel, ZIM kita larang berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia tetapi jika kita tolak semua pelabur atau syarikat yang terkait Israel walaupun ia syarikat Amerika atau Britain, saya kira ia akan menjejaskan ekonomi dan kita yang akan susah nanti,” tegas beliau.

Menyelar tindakan salah seorang bekas menteri yang mengatakan BlackRock seperti ‘pembunuh rakyat Palestin’, beliau berkata ia seperti berbalik kepada diri individu tersebut.

“BlackRock itu bukan syarikat yang berada di Israel dan buat senjata. Ia hanya menaruh saham yang diperoleh daripada pelabur dan menguruskannya dan ia bukan dalam syarikat industri Amerika Syarikat dan Israel.

“Kalau sampai begitu sekali membenci BlackRock, sepatutnya dia dah keluar daripada apa-apa pegangan yang ada BlackRock. Malah sepatutnya menyahut cabaran melepaskan sebarang jawatan dan kontrak yang berkaitan dengan syarikat tersebut,” ujar beliau.

KENALI BLACKROCK SYARIKAT PELABURAN DAN PENGURUSAN ASET TERBESAR DI DUNIA

PEGANGAN SAHAM

- Dalam **4,973** syarikat.
- Di **38 negara** seluruh dunia termasuk Malaysia dan negara **ASEAN** lain seperti Indonesia, Brunei dan Singapura.
- Dalam pelbagai sektor seperti perbankan, automotif, farmaseutikal dan teknologi maklumat.

Jumlah aset **AS\$ 9 TRILION** menjadikan ia syarikat pengurusan aset dan pelaburan saham terbesar di dunia.

Ditubuhkan pada tahun **1983** oleh **9 ahli perbankan** dan diketuai oleh Larry Fink, seorang rakyat Amerika berketurunan Yahudi.

Di Malaysia, BlackRock telah bertapak sejak tahun **2000**

- Memiliki saham dalam **38** syarikat cip biru di Bursa Malaysia.
- Termasuk Petronas, Sime Darby, Nestle, Maxis dan CIMB.
- Pada tahun **2021** diberi mandat oleh KWSP untuk uruskan Akaun Syariah agensi tersebut.

BlackRock juga merupakan ahli World Economic Forum (WEF) dan terlibat dalam pelbagai inisiatif *environment, social and governance* (ESG) terutamanya dalam pembaharuan tenaga baharu.

No	Pegangan Ekuiti BlackRock	Kepentingan	Nilai Ringgit
1	Public Bank	2.75%	2.349 bilion
2	Maybank	1.88%	2.162 bilion
3	CIMB	2.07%	1.426 bilion
4	TNB	1.32%	860 juta
5	Press Metal Aluminium Holdings	1.62%	625 juta
6	CelcomDigi	1.03%	526 juta
7	Ihh	0.96%	520 juta
8	Petronas Chemicals	0.91%	510 juta
9	Hong Leong Bank	1.09%	466 juta
10	Nestle Malaysia	1.55%	454 juta
11	Petronas Gas	1.14%	405 juta
12	PPB Group	1.78%	395 juta
13	Maxis	1.25%	364 juta
14	AMMB Holdings	2.41%	346 juta
15	Sime Darby	1.67%	308 juta
16	MISC	0.88%	299 juta
17	Axiata Group	1.15%	293 juta
18	IOI Group	1.16%	293 juta
19	MAHB	2.02%	286 juta
20	KLK	1.12%	275 juta
21	RHB Bank	1.13%	271 juta
22	Genting	1.45%	266 juta
23	Gamuda	1.85%	271 juta
24	Sime Darby Plantation	0.85%	255 juta
25	Petronas Dagangan	1.06%	241 juta
26	Genting Malaysia	1.41%	229 juta
27	Inari Amerton	1.87%	223 juta
28	Telekom	0.93%	216 juta
29	Dialog Group	1.72%	204 juta
30	QL Resources	1.33%	188 juta

*Sumber: Bloomberg

'Tiada penjualan MAHB kepada syarikat asing'

SYED HAZIQUE

PERDANA Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menegaskan syarikat Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) masih lagi milik negara dan tidak dijual kepada syarikat asing.

Anwar berkata penstrukturan semula MAHB itu sebaliknya akan meningkatkan pemilikan saham Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam konsortium berkenaan daripada 41 peratus kepada 70 peratus.

"Sekarang ini berbangkit soal konsortium MAHB yang dimiliki sekitar 41 peratus oleh Khazanah dan KWSP mengizinkan syarikat asing khususnya Global Infrastructure Partners (GIP) dan Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) untuk memiliki secara bersama (saham sebanyak) 30 peratus.

"Perubahan ini akan menjadikan pemilikan saham Khazanah dan KWSP meningkat daripada 41 kepada 70 peratus. Ia juga jelas berbeza dengan naratif di luar berkaitan penjualan, saya tegaskan sekali lagi bahawa tidak ada penjualan MAHB kepada syarikat asing," katanya di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Mohd



ANWAR menjelaskan MAHB, konsortium yang diterajui pemegang saham sedia ada MAHB, di Parlimen.

Shahar Abdullah (BN-Paya Besar) yang meminta Perdana Menteri menyatakan penjelasan terhadap keputusan konsortium syarikat pelaburan berkaitan kerajaan terhadap penjualan saham MAHB kepada GIP.

Sementara itu, Anwar berkata penjualan ataupun eksekusi itu hanya melibatkan pengurusan MAHB manakala lapangan

terbang masih kekal milik kerajaan Malaysia.

Anwar menjelaskan MAHB, konsortium yang diterajui pemegang saham sedia ada MAHB iaitu Khazanah dan KWSP telah memilih GIP kerana menepati beberapa kriteria yang telah ditetapkan.

"Antaranya, pemilikan kepakaran teknikal dalam pengendalian

lapangan terbang dan kekuatan kewangan untuk melaksanakan transaksi dan pelaburan besar, rekod pencapaian yang kukuh dalam transformasi lapangan terbang.

"Selain itu, kesanggupan untuk mengambil kepentingan minoriti dan kesanggupan untuk keluar setelah usaha transformasi tersebut membuahkan hasil.

"Sebagai tambahan, KWSP telah melabur dengan GIP dalam aset-aset infrastruktur sejak tahun 2012," ujarnya.

Anwar menjelaskan, pihak konsortium juga telah menjelaskan bahawa BlackRock tidak pernah sama sekali terlibat dalam sebarang transaksi berhubung MAHB.

"Pengurusan sedia ada GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab bagi hala tuju strategik dan operasi GIP serta syarikat-syarikat di bawah pelaburan mereka termasuklah MAHB seandainya transaksi ini dimuktamadkan nanti," jelasnya.

Tambah Anwar, secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan ini merupakan urusan transaksi komersial. Perbincangan yang telah dijalankan oleh wakil-wakil konsortium juga tidak melibatkan BlackRock.

"Kerajaan juga dimaklumkan oleh wakil-wakil daripada konsortium

bahawa meskipun setelah GIP diambil alih oleh BlackRock nanti, pengurusan GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab terhadap hala tuju strategik GIP serta syarikat-syarikat yang dilabur.

"Ini bermakna GIP akan terus beroperasi secara berasingan daripada BlackRock. ADIA bersama GIP juga akan memiliki pegangan minoriti 30 peratus dalam MAHB.

"Segala keputusan penting berkenaan MAHB hanya akan dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama ahli-ahli konsortium. Justeru itu, transaksi ini tidak melibatkan BlackRock sama sekali," katanya.

Anwar berkata tidak timbul isu penswastan MAHB memandangkan ia jelas masih milik kerajaan dengan pegangan saham meningkat daripada 40 ke 70 peratus.

"Jangan beri gambaran seolah kita tak urus (MAHB) dengan baik, ia mencatatkan keuntungan walaupun tidak besar. Jadi soal dibangkitkan Kota Melaka mengenai penswastan atau penjualan, ia tak timbul.

"Kita ambil alih daripada 40 ke 70 peratus pegangan saham, ini bukan penswastan. Jadi ia masih milik kerajaan iaitu Khazanah dan KWSP," katanya.

Polemik penjualan 30 peratus saham

Negara terima manfaat jangka panjang

AZLAN ZAMBRY

POLEMIK berhubung pembelian saham milik Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) sebanyak 30 peratus oleh Global Infrastructure Partners (GIP) dengan Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dilakukan bagi menggagalkan usaha kerajaan dalam meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) yang bakal memberikan manfaat jangka panjang untuk negara.

Menurut Pengarah Urusan Aswa Advisory Sdn Bhd, **Norazizone Norhan**, negara akan memperolehi pelbagai manfaat khususnya dalam aspek pengurusan fasiliti penting negara termasuklah peningkatan pelaburan luar dan pembangunan bakat serta profesional tempatan.

"Pelaburan GIP ini akan memberikan manfaat berikutan firma itu berupaya untuk menyuntik dana bagi meningkatkan lagi keupayaan 16 lapangan terbang seluruh negara yang sebelum ini berdepan dengan pelbagai insiden termasuk keselamatan.

"Selain itu, pelaburan itu dilihat dapat meningkatkan imej negara berikutan Perdana Menteri, Datuk

Seri Anwar Ibrahim dilihat agresif mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama rantau ini, jadi ia menguntungkan negara," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Selasa.

Norazizone menjelaskan, keputusan untuk membenarkan GIP melabur di dalam aset penting negara tidak dibuat dalam tempoh jangka masa pendek bahkan ia melibatkan banyak pihak berkepentingan sepanjang proses berkenaan.

"Jika dilihat dalam isu ini, sebenarnya tiada apa yang pelik bahkan urus tadbir korporat dalam perkara seperti penjualan dan pembelian saham ini mengambil proses yang lama dan perlu mendapat kebenaran daripada beberapa agensi seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia.

"Saya percaya proses ini memakan masa lebih dari setahun dan hanya awal minggu lalu sahaja keputusannya diumumkan oleh agensi bertanggungjawab. Bahkan isu melibatkan BlackRock juga hanya meletus awal tahun ini apabila ia mengumumkan untuk mengambil alih GIP," katanya.



NORAZIZONE



Menjelas lanjut, Norazizone berkata sebagai syarikat senaraian awam, sebarang urusan MAHB di bawah kawalan SC dan Bursa Malaysia yang mengawal dengan ketat setiap urusan khususnya melibatkan penjualan dan pembelian saham.

"Apabila ada tawaran pembelian dari syarikat bukan senaraian awam, dan dalam konteks ini adalah GIP dan ADIA, kedua-dua agensi akan memperhalusi

cadangan tersebut termasuklah soal *due-diligence* dan keupayaan syarikat berkenaan untuk mengambil alih saham sedia ada," katanya.

Berhubung kekhuatiran orang awam bahawa ia melibatkan penjualan MAHB, Norazizone menegaskan bahawa ia hanyalah penjualan saham syarikat yang berjumlah kecil sahaja.

"Dari segi bilangan saham yang diambil alih itu, apabila

digabungkan dua entiti milik negara, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membentuk kira-kira 70 peratus saham yang masih dipunyai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

"Manakala baki 30 peratus itu dimiliki oleh GIP dan ADIA malah peratusan saham antara kedua-dua firma asing juga belum dimuktamadkan selain tadbir urus korporat masih berada dalam ketidakpastian," katanya.

Dalam pada itu, Norazizone berkata tidak wajar mana-mana pihak mempolitikkan keadaan itu berikutan setiap proses yang berlaku dalam urusan korporat MAHB telah diperhalusi oleh SC dan Bursa Malaysia.

"Isu ini menjadi polemik kerana berlaku Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap dan semua pihak perlu menjadi realistik khususnya berdepan dengan perkara ini," katanya.

Tambahnya, sekiranya proses ini dihentikan, negara akan menanggung kesan negatif termasuk perlu membayar pampasan sekiranya kerajaan bertindak membatalkan urus niaga tersebut.

Tiada penyasaran subsidi diesel di Sabah, Sarawak

Kerajaan dituduh 'pilih bulu'

ISU penyasaran subsidi diesel masih terus diperkatakan dan dilihat menjadi bahan untuk menjatuhkan kerajaan pada hari ini sedangkan ternyata langkah tersebut dilakukan untuk menyelamatkan negara daripada ketirisan membabitkan diesel di sempadan negara.

Namun isu ini terus dimainkan di laman sosial oleh pihak tidak bertanggungjawab yang terus mempersoalkan mengapa penyasaran tersebut tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak.

Malah ada yang mendakwa, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersikap 'memilih bulu' dalam isu ini kerana bimbang jika kedua-dua negeri tersebut menarik diri, maka kerajaan tidak cukup majoriti.

Menyedari akan persoalan-persoalan yang tidak habis-habis dibangkitkan ini, Anwar tampil menjelaskan bahawa tiada desakan atau tuntutan daripada pemimpin Sabah dan Sarawak untuk meminta dikecualikan daripada penyasaran subsidi diesel.

Memetik amanat beliau pada Majlis Makan Malam Gawai Dayak 2024 peringkat negeri di Pusat Konvensyen Borneo, Sarawak baru-baru ini, beliau berkata kedua-dua wilayah tersebut dikecualikan kerana diesel merupakan bahan api utama yang digunakan secara meluas berbanding di Semenanjung.

"Keadaan jalan raya di Sabah



SABAH dan Sarawak dikecualikan kerana diesel merupakan bahan api utama yang digunakan secara meluas.

dan Sarawak memerlukan penduduk menggunakan kenderaan diesel selain untuk kegunaan bot-bot.

"Ada hal yang kita boleh cukai pendapatan semua sama, tapi cukai atau penarikan subsidi yang membebaskan rakyat terbanyak itu tidak boleh diteruskan, untuk apa?"

"Bila kita lakukan ini saya yakin gambaran dan laporan prestasi

daya saing lebih baik," katanya.

Ujar Perdana Menteri, tujuan pengecualian itu perlu dijelaskan supaya tidak timbul kekeliruan dan menepis kritikan beberapa ahli Parlimen di Semenanjung.

Tambahnya, semua wakil rakyat perlu memahami keperluan negeri-negeri lain.

Sebelum ini, kerajaan mengambil kira keberuntungan

tinggi ekonomi tempatan ke atas bahan api diesel dan keperluan pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan bersetuju tidak melaksanakannya buat masa ini kerana mengambil kira faktor geografi serta kebolehlaksanaan mekanisme bantuan seperti *fleet card* SKDS2.0 terutamanya di kawasan pedalaman. 

Persahabatan Malaysia-China bermakna

HUBUNGAN diplomatik yang terjalin di antara Malaysia dan China selama setengah abad berjaya meraih pelbagai pencapaian luar biasa lebih-lebih lagi dalam perdagangan dan juga industri.

Malah, terbaharu skop kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara kini turut diperluas merangkumi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kecerdasan buatan (AI) dan digital.

Namun di sebalik itu pelbagai andaian dibuat oleh pihak yang gemar mencari kesalahan dengan sewenang-wenangnya menuduh kerajaan sedang menggadai negara kepada China atas beberapa kepentingan.

Tuduhan negatif tersebut dibangkitkan sekadar untuk mencetuskan kebencian terhadap Kerajaan Perpaduan yang dipimpin Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Memetik ucapan Anwar ketika Majlis Makan Tengah Hari Bersama Komuniti Perniagaan Malaysia-China baru-baru ini, beliau berkata Malaysia berpendirian neutral dan melihat



ANWAR bersama Li Qiang ketika menghadiri majlis makan tengah hari di Kuala Lumpur baru-baru ini.

persahabatan dengan China sebagai bermakna.

Malah kedua-dua negara menekankan kepentingan untuk memahami dan menghargai perbezaan budaya dan agama.

"Malaysia mempunyai pendirian neutral, mempunyai keazaman untuk bekerjasama dengan semua negara dan dengan China.

"Kami melihat Perdana Menteri Li Qiang sebagai rakan kerjasama.

Kita akan buktikan kepada dunia bahawa persahabatan ini adalah bermakna," katanya.

Sementara itu, China menyokong penuh Malaysia mengambil peranan pengerusi ASEAN tahun depan.

Sejajar itu, kedua-dua negara akan terus mempromosi pelaksanaan berkualiti tinggi perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau.

Keduanya turut berharap Rundingan Peningkatan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China 3.0 dapat dipercepatkan.

Pemimpin hebat ini juga turut menyokong penuh penyelesaian yang komprehensif dan adil bagi situasi di Gaza dan turut bersetuju rakyat Gaza perlu diberi perlindungan sesuai dengan undang-undang antarabangsa.

Malah kedua-duanya turut menggesa Palestin diberi keahlian penuh oleh Majlis Keselamatan PBB. Di sini jelas bahawa Malaysia dan China sealiran dalam menyokong antara satu sama lain. Jadi rasanya tidak perlulah dipertikaikan lagi hubungan tersebut. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

29 - 30/6/24: Gema Kesenian Cina Malaysia @ MaTiC

7/5 - 8/7/24: Pameran Ningyo @ Muzium Negara

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong



PUTRAJAYA

13/7/24: IJN Run For Your Heart 2024 @ Anjung Floria Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

Anfaal mahu jaga kelestarian alam



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer, Yang Berhormat (YB), **ANFAAL SAARI** terus menabur bakti membantu rakyat terutamanya di kawasan Taman Templer.

Biarpun berdepan cabaran, namun ia sedikit pun tidak melunturkan semangat beliau untuk memberi perkhidmatan terbaik demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Selain menggalas tanggungjawab sebagai ADUN Taman Templer, YB Anfaal Saari juga memegang portfolio Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

Wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** berpeluang mendengar segala pengalaman sepanjang perkhidmatan beliau.

Apakah kejayaan yang telah YB lakar sepanjang bergelar wakil rakyat di kawasan Templer?

Sejak menerima mandat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan daripada pelbagai segi selain penambahbaikan yang telah berjalan atau dalam perbincangan.

Saya memecahkan kepada isu-isu yang kompleks atau tertangguh lama sehingga kepada isu-isu ringan yang boleh diselesaikan.

Antara yang berjaya dirungkaikan ialah projek apartmen Kristal di Selayang Mutiara di mana projek ini telah terbengkalai sejak dari tahun 2001 lagi.

Saya wujudkan *task force* dan meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Bayangkan sehingga sekarang masih ada lagi yang terpaksa membayar harga rumah, malah ada juga yang pemilik dah meninggal dunia, justeru saya ambil langkah untuk tangani masalah ini dengan segera.

Daripada hasil perbincangan melalui KPKT juga kepada agensi pelaksana, projek ini dapat disambung semula. Ia memberi

harapan kepada 500 penduduk atau pemilik yang menunggu lama untuk mendapatkan rumah mereka.

Selain itu juga, isu pembinaan masjid yang memakan masa untuk disiapkan, saya cuba bincang bersama pihak bertanggungjawab untuk mencari solusi dan alhamdulillah dalam beberapa tahun akan datang isu tersebut dapat diselesaikan.

Saya juga bersama pasukan serta agensi kerajaan bertungkus lumus dalam mengekalkan kehijauan serta khazanah perhutanan negara atau alam agar ia lestari.

Apakah antara cabaran-cabaran yang ditempuhi YB?

Pastinya ada sahaja cabaran yang mendatang namun sudah tentu saya serta pasukan mampu tempuhi bagi memberi perkhidmatan yang terbaik di sini.

Antaranya ialah cabaran daripada segi isu kawasan sempadan kerana ada perbezaan di bawah penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sebagai contoh, isu lambakan pekerja di Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur, ada sedikit kekeliruan penguatkuasaan namun

kita bergerak bersama bagi membanteras segala permasalahan.

Isu komunikasi juga memang mencabar antaranya bagaimana hendak mencapai setiap penduduk di kawasan ini. Justeru itu, media sosial saya memainkan peranan penting untuk menyebarkan segala maklumat penting kepada penduduk selain daripada pasukan saya yang bergerak bersama ketua kampung serta persatuan-persatuan penduduk.

Dengan dana yang diperoleh bagaimana YB agihkan untuk kebaikan penduduk?

Dana yang diperoleh kita sumbangkan atau beri semula kepada rakyat untuk pembangunan masyarakat serta komuniti melangsungkan kehidupan mereka.

Kita juga memberi bantuan atau sumbangan kepada pihak sekolah, rumah agama, persatuan penduduk dan sebagainya.

Selain itu, bantuan kepada sekolah daripada segi infrastruktur bersama agensi untuk membaiki pulih sekolah-sekolah yang uzur.

Jadi saya nampak agihan itu diberi sama rata dalam membangunkan penduduk dan modal insan yang hebat di masa hadapan.

Apakah perkara yang menjadi fokus YB sepanjang berkhidmat?

Sejak diberi mandat atau tanggungjawab ini, saya meletakkan fokus saya terhadap pembangunan untuk golongan anak muda dan juga wanita.

Kita bantu suri rumah untuk berdaftar daripada segi perlindungan sosial berdasarkan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah

(SKSSR).

Untuk segmen anak muda, kita bantu daripada segi pelajaran terutamanya yang datang daripada keluarga yang daif atau berpendapatan rendah.

Sebagai contoh salah sebuah institusi pendidikan swasta di sini ada menyediakan pelajaran kepada pelajar yang tidak mendapat keputusan baik bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mereka mengambil semula peperiksaan tersebut di mana kos pembelajaran ditanggung.

Selain itu, kita mudahkan proses pemberian zakat kepada anak-anak muda untuk menyambung pengajian. Saya lihat kedua-dua segmen ini penting untuk memberi penekanan dalam membantu kesejahteraan hidup mereka.

Bagaimana YB cuba banteras atau meminimalkan jumlah miskin tegar?

Kebetulan portfolio saya sebagai Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat memang pelbagai segi bantuan diberikan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah.

Antaranya seperti Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) untuk kita bantu menoktahkan golongan-golongan miskin tegar ini.

Keluarga yang berpendapatan bawah RM3,000 bagi keseluruhan isi rumah akan diberi sebanyak RM300 sebulan dalam tempoh dua tahun untuk membantu meringankan beban kos sara hidup.

Daripada situ kita harap semua penduduk di sini dan semua rakyat Selangor berpendapatan rendah untuk dapat keluar daripada kepompong kemiskinan

serta mengubah nasib kehidupan mereka.

Apakah harapan YB terhadap penduduk?

Sebenarnya besar harapan saya bukan sahaja kepada penduduk malah buat diri saya juga. Jika boleh saya mahu selesaikan lebih banyak isu-isu yang berkaitan dengan infra kerana ia adalah antara perkara asas kepada penduduk.

Ia juga termasuk pelebaran anak sungai bagi mengelakkan daripada berlakunya banjir kilat di sesetengah kawasan.

Selain itu, saya juga mahu membangunkan penjaja-penjaja kecil bagi memberikan model perniagaan yang lebih lestari kepada mereka.

Sebagai contoh, kita tidak mahu penjaja-penjaja ini berniaga di bahu jalan yang kadangkala membahayakan mereka termasuk orang ramai. Mungkin kita boleh mengadakan tempat berniaga khusus untuk mereka.

Selain itu, kita juga boleh ajar model perniagaan secara dalam talian untuk mereka bergerak dari rumah sahaja.

Kemudian, saya juga mahu bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam membantu golongan berpendapatan rendah terhadap pendapatan mereka serta pendidikan yang mampu mengubah nasib mereka kelak.

Daripada sudut jangka panjang pula, di kawasan Templer sebenarnya ada potensi untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan. Banyak kawasan hijau yang dijaga di sini, ia juga tidak jauh dengan bandar yang memudahkan akses kepada penduduk bandar dengan kawasan hijau.

DBKL kenal pasti tanah bangunkan OSD

Alternatif tangani banjir kilat di Brickfields

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam perancangan untuk melaksanakan satu projek bagi kerja-kerja mempertingkatkan sistem saliran di Brickfields khususnya di Jalan Sultan Abdul Samad dan kawasan sekitarnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata alternatif yang sedang diteroka adalah dengan mengenal pasti kawasan tanah untuk pembinaan *On Site Detention* (OSD) di jajaran Sungai Klang di sekitar kawasan tersebut.

“Projek OSD merupakan kaedah kawalan di lokasi yang akan menampung lebih taburan hujan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat yang tertakluk kepada ketersediaan tanah di lokasi projek.

“Projek tersebut kini dalam proses akhir untuk dilaksanakan dan dijangka boleh dimulakan sebelum penghujung tahun 2024 ini dan selesai selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2026,” katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Bukit Bintang,

Fong Kui Lun dalam sesi jawapan lisan di Parlimen pada Isnin.

Katanya, DBKL telah menaik taraf *kerb outlet* sedia ada bagi melancarkan aliran air di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad serta berhampiran kawasan Gereja Our Lady of Fatima, Brickfields.

“Ini bagi memastikan kapasiti sistem saliran longkang sedia ada dan sekitarnya terus berada dalam keadaan paling optimum bagi mengurangkan risiko seterusnya mengelakkan insiden sama berulang,” katanya.

Zaliha berkata pada masa yang sama, DBKL juga telah melantik perunding untuk mengkaji masalah banjir kilat di sekitar Jalan Sultan Abdul Samad tersebut.

“Berdasarkan kajian didapati antara punca lain yang menyumbang kepada insiden banjir kilat yang berlaku di lokasi adalah disebabkan oleh isu kapasiti kuasa pam berhampiran Sungai Klang yang tidak mencukupi serta kapasiti longkang yang tidak lagi mampu menampung air hujan apabila hujan berintensiti tinggi berlaku.

“Kajian awalan banjir ini telah dijalankan bermula pada 18 April 2022 dan mengambil masa selama lapan bulan untuk diselesaikan dan mendapati sistem saliran di sekitar lokasi tidak dapat menampung jumlah hujan yang tinggi malah kapasiti pam sedia ada di lokasi tidak lagi mampu menampung aliran takungan air yang berlebihan,” katanya.

Menurut Zaliha, DBKL dan Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) sentiasa mengambil tindakan segera bagi memastikan kelancaran aliran air dalam longkang serta air hujan yang memasuki *kerb outlet* longkang tepi jalan tidak terhalang oleh sampah sarap dan daun-daun pokok.

“Bagi insiden yang berlaku di Jalan Sultan Abdul Samad, kerja-kerja pembersihan sistem saliran terutamanya longkang tepi jalan dan paip longkang yang melintasi jalan (*crossing pipe*) di lokasi kejadian telah dilaksanakan pada kadar segera selepas berlaku insiden banjir kilat tersebut,” katanya. 



SAMPAH sarap dan daun-daun pokok antara punca banjir kilat di Brickfields.

60 siswa UPM sertai Program Pertanian Tanpa Cangkul

PENDIDIKAN terhadap pertanian merupakan antara usaha yang dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Local Agenda (LA) 21 dalam memberikan pendedahan terhadap sumber makanan yang diusahakan secara komuniti menerusi Program Pertanian Tanpa Cangkul (PTC).

Ketua Pegawai Perancang Bandar merangkap Urusetia LA21 Kuala Lumpur, **Norazmin Adibah Othman** berkata isu utama yang diketengahkan dalam program ini adalah penyelesaian masalah ketidakstabilan bekalan makanan yang berpunca daripada tahap kadar sara diri (SSL) yang rendah serta peningkatan jumlah produk makanan yang diimport.

“Stok makanan yang diimport seperti sayur-sayuran dan buah-buahan melibatkan penggunaan racun untuk mengekalkan kesegaran yang berisiko mengakibatkan kebimbangan terhadap keselamatan makanan.

“Menerusi program ini, aktiviti bertani di rumah seperti menanam sayur-sayuran boleh memberikan hasil tanpa perlu dibeli dan ia dapat menjamin kualiti sayuran yang dihasilkan kerana penggunaan racun yang terkawal dan jenis baja yang digunakan sekali gus dapat menjaga kualiti hasil tanaman serta memastikan



AHLI Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim meninjau kebun komuniti selepas Majlis Penutup Program PTC di PPR Raya Permai.

keselamatan makanan,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Norazmin, seramai 60 mahasiswa telah menyertai acara ini di tiga lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) iaitu di

PPR Hiliran Ampang, PPR Raya Permai dan Perumahan Awam Seri Perlis 2 dan ia tidak hanya tertumpu kepada aktiviti pertanian bandar, malah turut merangkumi Program Anak Angkat.

“Ketiga-tiga komuniti ini juga

merupakan antara komuniti yang terlibat secara aktif dalam pelaksanaan program kebun kejiranan bandar LA21 Kuala Lumpur.

“Dalam inisiatif ini, mahasiswa dan mahasiswi UPM menetap

bersama keluarga angkat mereka di PPR tersebut selama tiga hari dua malam dan ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara pelajar dengan masyarakat yang tinggal kawasan PPR/PA tersebut,” katanya.

Ujar Norazmin, menerusi program itu juga mahasiswa yang terlibat memperoleh pengalaman baru untuk merasai pengalaman bekularga angkat meski berada di bandar dan jauh daripada keluarga tetapi masih boleh merasai kasih sayang ibu dan ayah.

“Komuniti telah didedahkan dengan pertanian tanpa cangkul, khususnya menggunakan *Unity Gardening Dram* (UGD) dan pertanian vertikal serta mereka juga turut didedahkan berkenaan pertanian di kawasan bandar,” katanya.

Norazmin berkata peranan DBKL dan LA21 adalah dari segi pemilihan lokasi yang melibatkan komuniti yang aktif dalam melaksanakan program-program komuniti terlibat secara langsung dalam pertanian bandar di bawah Program LA21 KL.

Tambah beliau, projek ini dijalankan untuk membudayakan aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat bagi menyokong dasar sekuriti negara serta menjamin keselamatan makanan. 

Ujian Kerajaan MADANI di Sungai Bakap



ZULKIFLI SULONG

MINGGU ini, sebagaimana minggu-minggu yang lepas, politik Malaysia kecoh lagi. Walaupun kerajaan stabil tetapi isu politik tidak pernah reda.

Fokus politik minggu ini tertumpu kepada sesi kempen di Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap, Pulau Pinang. Bagi ramai penganalisis politik, Pakatan Harapan (PH) yang mewakili Kerajaan Malaysia MADANI akan berjaya mengambil alih kerusi ini selepas jatuh ke tangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) atau Perikatan Nasional (PN) sebelum ini.

Mereka memberikan tiga perkara yang membolehkan Sungai Bakap kembali kepada PH. Pertama, Pilihan Raya Kecil banyak dipengaruhi oleh kerajaan yang memerintah. Mana-mana parti politik yang menguasai kerajaan yang memerintah, parti itulah yang akan mudah menang.

Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri bahkan Ahli Parlimen di sini kesemuanya dikuasai oleh PH. Dengan ketiga-tiga kerajaan ini, sudah pasti ia akan memberikan kelebihan besar kepada calon PH untuk menang.

Yang memberikan kesan besar yang kedua adalah Ahli Parlimen di atas Sungai Bakap adalah seorang Menteri. Fadhlina Sidek adalah Ahli Parlimen Nibong Tebal yang menaungi DUN Sungai Bakap. Fadhlina adalah Menteri Pendidikan yang sepatutnya mempunyai pengaruh yang besar kepada penduduk di sini.

Dalam masa yang sama, Fadhlina juga adalah Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR). Pengaruh

jentera wanita dalam mana-mana pilihan raya amatlah besar. Ini kerana, jentera wanitalah akan membuat kempen dari rumah ke rumah dan bersemuka secara langsung dengan pengundi.

Kalau jentera wanita tidak menjalankan tugasnya bermakna mereka mahu menjatuhkan air muka ketua mereka, Fadhlina Sidek. Begitu juga sebaliknya. Kalau Fadhlina gagal menggerakkan jenteranya, bermakna beliau gagal dalam memimpin wanita PKR dan bakal dimalukan sebagai menteri yang menjadi Ahli Parlimen yang menaungi Sungai Bakap.

Dua faktor ini sahaja, kerajaan dan Fadhlina adalah Ahli Parlimen Nibong Tebal sudah cukup untuk memastikan kerusi ini dimenangi oleh calon PH dalam Pilihan Raya Kecil kali ini.

Namun, di sebalik teori di atas kertas itu, faktor sebenar yang akan menentukan sama ada calon PH, Cikgu Joohari boleh menang atau tidak adalah kempen di bawah itu sendiri. Ia menjadikannya faktor ketiga.

Apakah pemimpin Kerajaan Pusat menjalankan perannya untuk memastikan calon PH menang akan menentu Cikgu Joohari boleh jadi wakil rakyat atau tidak. Apakah menteri-menterinya memastikan anak buah mereka menjalankan tugas atau tidak.

Begitu juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Apakah pemimpin Kerajaan Negeri menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin untuk memastikan calon mereka ini menang atau tidak.

Berdasarkan pengalaman dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Bharu (KKB), peranan pemimpin Kerajaan Negeri amat besar sekali. Merekalah yang sebenarnya berjaya membolehkan kerusi KKB kekal di tangan PH.

Menurut seorang rakan media, pemimpin Kerajaan Negeri yang benar-benar telah membawa

penduduk KKB untuk mengekalkan kerusi itu kekal di tangan PH. Ini kerana bentuk dan pendekatan kempen Pilihan Raya Kecil jauh berbeza dengan Pilihan Raya Umum. Pengundi mahu apa dan itulah yang diberikan oleh pemimpin kerajaan Selangor di KKB.

Di Sungai Bakap, penggunaan sepenuhnya kedudukan PH sebagai kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Parlimen akan menentukan Cikgu Joohari boleh menjadi wakil rakyat atau tidak.

Peranan pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menentukan Sungai Bakap boleh memberikan satu lagi kerusi tambahan kepada mereka atau tidak.

Jika mereka menjalankan tugas sebagaimana rakan-rakan mereka di Selangor menjalankan tugas ketika Pilihan Raya Kecil KKB, Sungai Bakap akan kembali semula. Jika mereka hanya menjadi pemerhati dan menunggu orang lain untuk berkempen, sudah tentu cita-cita untuk dapatkan semula kerusi ini sukar.

Jika PH gagal merampas kembali Sungai Bakap dari PN dalam

Pilihan Raya Kecil ini, saya akan meletakkan kesalahan besarnya kepada pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ada seorang rakan berkata, apa kepentingan pilihan raya ini? Tiada, kata beliau.

Namun, bagi saya Pilihan Raya Kecil ini akan memberikan signal penting untuk negara. Jika pengundi Sungai Bakap memberikan undi kepada calon PH, bermakna mereka menyokong dasar-dasar untuk memperkukuhkan negara yang sedang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka akan memberitahu bakal pelabur bahawa kerajaan ini stabil dan disokong rakyat. Mereka juga akan memberitahu pegawai kerajaan bahawa kerajaan ini akan kekal untuk jangka masa panjang dan kamu hendaklah bekerja bersungguh-sungguh. Jangan sesekali menjadi duri dalam daging atau gunting dalam lipatan.

Memang isu penyusunan semula subsidi diesel yang baru dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini akan diuji, apakah ia diterima oleh rakyat atau tidak. Penduduk

Sungai Bakap akan menjadi sampel kepada rakyat negara ini. Jika penduduk Sungai Bakap meluluskannya, bermakna rakyat Malaysia menerima pembaharuan yang hendak dibuat oleh kerajaan.

Selain kerajaan, UMNO juga akan diuji dalam pilihan raya ini. Apakah mereka kembali kukuh sebagai sebuah parti politik terbesar negara dan kepimpinannya semakin mantap juga akan dilihat menerusi Pilihan Raya Kecil ini.

Jika calon PH menang, bermakna, para pengundi UMNO selama ini kembali semula kepadanya. Ia akan menolak sama sekali usaha yang sedang dibuat oleh para penentang kepimpinan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Presiden UMNO dari dalam parti itu sendiri.

Oleh itu, jentera UMNO perlu memperlihatkan diri dan memastikan akar umbi UMNO benar-benar turun untuk memenangkan calon Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya ini.

INI hanya sekadar pandangan penulis berdasarkan senario politik negara.



Pelihara kawasan hijau di KL



Usaha banteras ulat parkir

LEGA hati kawan-kawan Kedai Kopi apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyatakan baru-baru ini kawasan hijau di Kuala Lumpur akan dipelihara, malah bakal diperluas.

Ini kerana kehadiran pokok dan tanaman hijau penting dalam pembangunan pesat di ibu negara serta di mana juga bandar di negara ini. Kawasan hijau merupakan ciri penting mengimbangi pembangunan di bandar termasuk ibu kota khususnya.

Pastinya kita tidak mahu bandar raya hanya dipenuhi hutan batu sehingga ke arah mana jua dipandang hanya kelihatan bangunan batu memenuhi ruang. Tumbuhan hijau akan menyegarkan persekitaran, menyejukkan mata memandang. Tambahan pepohon hijau melepaskan oksigen untuk keperluan manusia.

Kerana itu sejak sekian lama tanaman pokok diberi keutamaan di Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memastikan pokok atau tanaman hijau mengiringi ledakan pembangunan juga di taman-taman dan kawasan rekreasi.

Orang ramai diajak menghayati keperluan dan kepentingan pokok serta memastikan ia sama-sama dipelihara dan tidak dirosakkan. Kawan-kawan Kedai Kopi masih ingat slogan yang pernah digunakan oleh DBKL suatu ketika dahulu iaitu Sayangi Tanaman.

Konsep hijau ini akan berterusan khususnya melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040). Memetik Dr Zaliha, melalui pelan tersebut, konservasi hutan hijau sedia ada serta di kawasan rekreasi seluruh Kuala Lumpur akan diperhebat menjelang 2040.

KEGIATAN ulat parkir di ibu kota memang merimaskan orang ramai. Ulat parkir sentiasa sahaja mencari peluang meminta bayaran daripada orang ramai walaupun meletakkan kenderaan di kawasan yang dibenarkan.

Ini kerap berlaku di kawasan parkir awam. Biarpun sudah membayar caj parkir, ada sahaja ulat yang datang menghampiri meminta wang. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri kerap kali mengalami masalah ini dan sering juga menghulur wang walaupun rasa geram.

Selepas waktu pejabat, lagi ligat aktiviti mereka. Kawasan parkir yang sudah tidak perlu bayar waktu itu, dikuasai oleh ulat parkir yang mengutip bayaran. Ulat-ulat ini bukan sedia menerima apa diberi, tetapi menetapkan kadar bayaran parkir.

Begitu juga jika ada sahaja kawasan lapang di ibu kota, mereka menjadikannya

milik sendiri sebagai kawasan parkir. Yang hendak meletak kenderaan perlu membayar. Jika enggan hadapi risiko kenderaan akan dirosakkan.

Fenomena ini sudah lama wujud di ibu kota dan tetap berterusan hingga kini. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah berdiam diri malah sentiasa berusaha membanteras golongan tersebut.

Kawan-kawan Kedai Kopi lega apabila DBKL menjalankan operasi berterusan membanteras ulat parkir di ibu kota menerusi Jabatan Penguatkuasa. Melalui operasi ini ramai ulat parkir ditahan dan dihadapkan ke mahkamah serta menerima hukuman.

Operasi Tindakan Khas Jaga itu dilaksanakan oleh DBKL sejak tahun lalu. Matlamat utamanya adalah untuk menyekat kegiatan ulat parkir atau penjaga parkir haram.

Menoleh era gemilang surat khabar



KU SEMAN KU HUSSAIN

MENOLEH masa lalu dalam mengenangkan era kegemilangan tidak sahaja memberikan kegembiraan, masa yang sama mengingatkan tentang kehilangan yang tidak mungkin berulang pada masa depan. Sekalipun begitu masa lalu adalah petunjuk arah dalam melangkah menuju masa depan yang sukar bayangkan rupa wajah keadaannya.

Begitulah juga dengan hilangnya satu tradisi surat khabar yang panjang apabila masyarakat melangkah era digital yang lebih berdaya saing segi teknologinya. Dua dekad abad ke-21 membawa kita pada realiti baharu kedatangan teknologi digital dan kehilangan tradisi surat khabar.

Surat khabar adalah terjemahan daripada bahasa Inggeris, *newspaper*. Kalau diterjemah secara literal menjadi 'kertas berita'. Bagaimanapun disebabkan kekayaan kosa kata bahasa Melayu, 'berita' adalah 'khabar' kerana sudah ada 'tanya khabar' yang digunakan secara meluas dan 'kertas' diperincikan sifatnya sebagai 'surat'.

Sebab itulah dalam surat khabar tidak sahaja dimuatkan dengan berita, tetapi juga pesanan. Definisi pesanan itu boleh difahami sebagai perutusan pemikiran daripada golongan pemikir yakni wartawan kepada masyarakat. Maka wartawan bukanlah tukang lapor, tetapi pemikir yang membentuk



ERA kegemilangan surat khabar menyumbang pada penyebaran maklumat yang lebih rinci.

pemikiran bangsanya.

Menghasilkan surat khabar adalah kerja yang remeh, memerlukan banyak tenaga kerja dan terpaksa pula

merentas berbagai-bagai proses sebelum buah fikir wartawan sampai kepada pembaca. Di tengah-tengahnya ada pengedar yang sangat penting memastikan surat khabar disebar secara menyeluruh ke segenap tempat.

Sekalipun tulisan ini menoleh era kegemilangan surat khabar, tetapi bukanlah menafikan sumbangan pendigitalan dalam kerja-kerja kewartawanan. Sebaliknya sekadar mengingatkan bahawa kita pernah ada tradisi surat khabar dan kewartawannya yang kukuh serta telah berperanan dalam membentuk pemikiran khalayak.

Malah perubahan yang berlaku daripada surat khabar pada digital wajar diterima adalah proses semula jadi yang perlu diadaptasi dengan sebaiknya supaya semangat daripada tradisi surat khabar tidak putus di gerbang digital.

Surat khabar berperanan menyediakan menu sosial dalam berdepan kehidupan semasa selain menemukan masyarakat dengan khabar manusia yang penuh hitam putihnya dari seluruh pelosok dunia. Khabar yang disampaikan melalui 'surat' itu tidak sahaja untuk diketahui, tetapi diambil iktibar yang sedalamnya.

Era kegemilangan surat khabar menyumbang pada penyebaran maklumat yang lebih rinci dan membawa masyarakat melihat kekejaman manusia terhadap yang lain ketika Barat sibuk bercakap tentang nilai dan peradaban tinggi. Ironinya Barat jugalah yang bermain catur menggerakkan kekejaman itu.

Surat khabar juga yang membawa khabar tentang kelakuan manusia di penjuru dunia lain yang tidak semuanya

seperti kita sanggup berbahagi nikmat hidup bernegara dengan sesiapa sahaja. Khabar yang dibawa oleh surat khabar itu boleh dijadikan perbandingan tentang kelebihan dan kekurangan kita.

Perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajah British menjadi bukti penting bahawa surat khabar Melayu waktu itu sangat berpengaruh sejak awal dekad 1940-an. Sekalian para wartawan zaman awal surat khabar itu juga adalah nasionalis, bukan sekadar tukang lapor.

PAKSINYA ADALAH ETIKA

MALAH tradisi persuratkhabaran Melayu yang menjadikan surat khabar berbeza dengan pamflet walaupun kedua-duanya adalah tulisan di atas kertas. Itu membuktikan surat khabar didukung oleh satu tradisi kewartawanan yang tidak ada pada penulisan di pamflet.

Suatu penegasan penting dan telah disumbangkan pada era surat khabar adalah tidak sekadar membawa maklumat. Peranan surat khabar adalah membawa pemikiran wartawan dalam membina keyakinan bangsa untuk berdepan segala bentuk cabaran zaman.

Saya selalu menyarankan untuk memahami era gemilang dunia surat khabar tontonlah filem *All The President's Men* arahan Alan J Pakula yang diterbitkan tahun 1976. Daripada filem yang meminjam berlatar era Presiden Richard Nixon dekad 1970-an itu membuktikan kuasa dan pengaruh surat khabar kepada masyarakat.

Filem yang bergerak atas pengalaman sebenar dua wartawan *The Washington Post* itu memperlihatkan kuasa surat khabar dalam memperjuangkan isu yang ada nilai kepentingannya kepada rakyat. Latar dekad 1970-an dalam filem adalah sama dengan era gemilang dunia surat khabar di negara ini.

Saya menonton *All The*

President's Men pada tahun 1984 serentak dengan langkah awal dalam dunia persuratkhabaran. Sejak itu surat khabar menjadi persekitaran baharu hidup saya. Keterujaan itu bertambah apabila menyaksikan tindakan nekad wartawan dalam membongkarkan kebobrokan pemimpin seperti Nixon.

Presiden yang sehebat dan selicik Nixon pun boleh tersungkur dengan kuasa surat khabar yang membongkar skandal Watergate. Keadaan itu tidak mungkin berlaku sekiranya surat khabar waktu itu didukung oleh wartawan yang berkepentingan, berpihak dan menjadi tukang catat cerita-cerita penglipur lara pemimpin politik.

Filem itu menjadi satu dokumentasi sosial yang penting tentang era gemilang dunia persuratkhabaran sekali gus nilai dan etika kewartawannya. Itulah eranya kerjaya kewartawanan yang dipandang tinggi, dihormati dan digeruni. Untuk menjadi wartawan pula tidak mudah, maka jumlahnya tidak melimpah ruah.

Ketika edaran surat khabar menampakkan penurunan yang ketara, skandal Watergate diangkat sekali lagi ke filem menerusi *The Post* tahun 2017 arahan Steven Spielberg. *The Post* mengambil latar yang sama tetapi jalur naratif yang sedikit berbeza mengangkat wibawa pemimpin editorial dalam memerangi pemimpin korup seperti Nixon.

Filem itu juga wajar menjadi rujukan dalam kalangan wartawan baharu atau lama untuk melihat tanggungjawab yang didukung oleh sesebuah surat khabar dalam memperjuangkan sesuatu isu dan kepentingan rakyat.

Kewartawanan surat khabar kini sudah beralih pada digital apabila surat khabar bercetak diterbitkan secara digital atau dalam talian. Bagaimanapun kewartawanan tulen tetap ada dan diperlukan, yang berbeza hanya budaya kerja mengejar masa sebenar (*real time*) sesuatu peristiwa dan bukan lagi masa akhir (*deadline*).

Perubahan surat khabar bercetak pada digital itu tidak sahaja berlaku di negara kita, malah sudah lama bermula di luar negara. *The Washington Post* sendiri misalnya sudah lama beralih format digital dan dalam talian. Surat khabar bercetak *The Washington Post* terus diterbitkan tetapi dalam skala yang lebih kecil.

Sama ada kewartawanan surat khabar atau digital, kedua-duanya adalah sama. Paksinya adalah etika. Pihak yang menentukan pelestarian etika kewartawanan adalah dalam kalangan wartawan sendiri, pemimpin editorial dan wartawan di lapangan. Berakhirnya era gemilang surat khabar bukanlah satu tragedi selagi pemimpin editorial dan wartawan terus tekak mendukung serta meluruskan etika kewartawanan.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 268 . 28 JUN - 4 JULAI 2024

INDUSTRI

TUNA

KIAN MERANA

»» 10-11



Selamatkan industri sebelum terlambat

AZLAN ZAMBRY

LABUAN merupakan sebuah pulau di luar pantai Borneo yang berpotensi untuk menjadi pemain utama dalam industri tuna di peringkat global. Lokasinya yang strategik berhampiran kawasan laluan ikan tersebut menjanjikan kejayaan yang signifikan terhadap kekayaan sumber laut Labuan.

Namun disebalik perancangan itu, ia tidak semudah yang disangkakan. Meskipun pelbagai usaha telah dirintis pihak berkepentingan, industri tuna di Labuan dikatakan masih dalam peringkat permulaan yang memerlukan pemerhatian bagi menangani cabaran sedia ada.

Komoditi makanan laut itu mempunyai nilai dan permintaan yang sangat tinggi serta dijual dalam harga premium di pasaran antarabangsa. Kedudukan Labuan yang strategik serta sempadan maritim yang luas merupakan faktor utama pihak berkepentingan wajar memanfaatkan kelebihan itu.

Mengambil kira faktor tersebut, Labuan yang dipenuhi dengan spesies tuna oseanik (pantai) yang mana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga menganggarkan sumber itu berpotensi menjana sehingga RM700 juta (lebih kurang USD 163 juta) setiap tahun untuk rantau ini.

Potensi tersebut diiktiraf Kerajaan Malaysia malah KPKM telah menggariskan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna yang bertujuan untuk membangunkan Sabah dan Labuan menjadi hab tuna utama sekali gus dapat menyerlahkan peranan yang boleh dimainkan oleh industri tuna untuk berkembang maju dalam meningkatkan ekonomi negara dan mencipta aliran kekayaan baharu. Tidak dinafikan industri tuna di Labuan mewakili segmen penting dalam ekonomi tempatan berikutan ia menyediakan mata pencarian untuk masyarakat dan menyumbang dengan ketara kepada keselamatan makanan dan hasil eksport rantau ini.

Walau bagaimanapun, industri ini menghadapi pelbagai cabaran yang mengancam kemampanan dan potensi

pertumbuhannya. Cabaran ini berakar umbi dalam isu alam sekitar, ekonomi dan kawal selia yang menuntut tindak balas strategik demi memastikan industri ini kekal berdaya maju untuk jangka panjang.

Dari segi ekonomi, industri tuna Labuan dilihat turut bergelut dengan persaingan sengit daripada pemain yang lebih besar dan lebih maju dari segi teknologi dalam pasaran global. Pesaing ini mendapat manfaat daripada skala ekonomi, akses yang lebih baik kepada pasaran antarabangsa, dan teknologi canggih sekali gus mengurangkan daya saing operasi berskala kecil Labuan.

Ketidaktentuan harga dalam pasaran tuna memburukkan lagi cabaran ekonomi. Harga tuna terdedah kepada turun naik yang didorong oleh perubahan dinamik penawaran dan permintaan. Ketidaktentuan ini boleh mengakibatkan ketidakstabilan kewangan bagi nelayan dan perniagaan tempatan seterusnya menjadikan perancangan dan pelaburan jangka panjang sukar untuk dilaksanakan.

Tidak dinafikan, banyak kapal nelayan dan kemudahan penyimpanan hasil tangkapan tidak memenuhi piawaian terkini yang diperlukan bagi menjamin kualiti dan standard antarabangsa yang ditetapkan. Logistik yang dilengkapi dengan teknologi sejuk beku juga tidak mencukupi biarpun ia merupakan komponen penting untuk mengekalkan kesegaran dan kebolehpasaran tuna.

Dengan kekangan tersebut ia secara tidak langsung telah menghadkan keupayaan industri itu untuk bersaing di peringkat global.

Secara relatifnya, keupayaan

nelayan tempatan perlu ditingkatkan memandangkan bot kecil yang digunakan itu pastinya mampu mengisi hasil tangkapan dengan kapasiti yang lebih kecil di ruangan khas yang dipenuhi ais bagi mengekalkan kesegaran.


Sekiranya ikan itu ditangkap sehari sebelum, ia masih lagi dijamin kesegarannya.

Sebaliknya jika ditangkap tiga atau empat hari kemudian dibawa pulang dan dipasarkan maka ia hanya boleh dimasak sahaja.

Antara penggerak kepada industri tersebut adalah nelayan tempatan yang bergelut demi memastikan



NELAYAN tuna memungkah hasil tangkapan sebelum dijual di Pasar Sentral Labuan.



TUNA yang dipungkah ditimbang terlebih dahulu sebelum dipasarkan.





kesinambungannya. Tidak dinafikan KPKM menerusi agensi terlibat telah menyediakan kemudahan dalam pelbagai bentuk bagi memberdaya golongan berkenaan bagi mengelakkan mereka terus ketinggalan.

Namun kapasiti bot yang ada dilihat tidak berupaya memandangkan mereka perlu belayar hingga 100 batu nautika dan setiap perjalanan memerlukan tempoh tiga hingga empat hari sebelum mereka kembali ke daratan untuk memasarkan hasil yang didapati.

Menurut Pengerusi MyKP Labuan, **Dullah Latif**, 67 berkata sebelum ini semua nelayan tuna di Labuan menikmati perubahan dalam kaedah penangkapan tuna berbanding dahulu.

“Jika dahulu hanya guna pukat dan pancing, kebanyakannya nelayan ini ada menerima bantuan daripada kerajaan bagi meningkatkan lagi jumlah pendaratan ikan tuna sekali gus meningkatkan pendapatan nelayan tuna di sini.

“Namun dengan kapasiti bot yang ada, kami tidak boleh memendekkan perjalanan kerana faktor kos dan tempat simpanan

ikan yang kecil berbanding kapal yang besar,” katanya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, persatuan yang turut menaungi lebih 50 nelayan tuna itu juga tidak dapat menggunakan jeti yang telah disediakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kiamsam berikutan jaraknya agak jauh dari Pasar Sentral.

“Kawasan itu tidak sesuai kerana ia agak terbuka dan memandangkan bot kami kecil serta waktu ketibaan nelayan tidak menentu, ada ketika tengah malam ataupun ketika musim ribut maka nelayan ini tiada tempat untuk berlindung dan ia membahayakan keselamatan.

“Selain itu, di tempat ini pula ia berhampiran dengan pasar dan persatuan terus membeli hasil laut kami rasanya lebih mudah dan cepat berbanding di kompleks berkenaan yang tidak berlaku seperti itu,” katanya.

Justeru itu, Dullah berharap beberapa siri perbincangan dengan LKIM dapat membuahkan hasil dan tempat pendaratan ikan yang dibina dengan kos sendiri itu dapat ditingkatkan untuk kemudahan nelayan di sini. 

Industri hiliran tuna makin malap

MESKIPUN tumpuan sering diberikan terhadap aktiviti perikanan dan pemprosesan, industri hiliran tuna dilihat semakin malap sekali gus menjექaskan pasaran dan nilai sumber laut itu di Labuan.

Secara umumnya, industri hiliran ini wujud bagi membantu pengusaha dan nelayan Labuan berikutan ia lebih mudah dipasarkan melalui pelbagai produk yang dihasilkan.

Pengerusi Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) Cawangan Labuan, **Datuk Dr Ramli Tahir** berkata spektrum peluang industri hiliran ini sewajarnya diperkasakan memandangkan tuna mempunyai peminatnya tersendiri selain mendapat permintaan menggalakkan daripada seluruh dunia khususnya dalam segmen produk halal.

Ramli yang juga bekas pengusaha burger tuna menyifatkan industri hiliran itu dilihat malap berikutan banyak faktor yang menyumbang kepada kelembapan itu meskipun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyediakan pelan strategik yang sewajarnya menjadi pemangkin terhadap industri berkenaan.

“Tuna ini merupakan ikan yang bernilai tinggi tetapi kita di Malaysia tidak dapat memanfaatkan sumber tersebut untuk pasaran tempatan.

“Uniknya di Labuan ini, pergerakan tuna di perairan ini adalah dari arah utara ke selatan dan selatan ke utara yang bermaksud pergerakan tuna ini banyak dan sentiasa ada hampir sepanjang tahun berbanding kawasan lain di Malaysia di mana saya difahamkan hanya ada satu musim sahaja,” katanya ketika ditemui.

Menurut Ramli, di sekitar rantau Asean seperti Filipina, Vietnam dan Thailand, setiap pengusaha memerlukan lesen untuk menangkap tuna serta diberi untuk mempunyai kuota masing-masing.

“Untuk pengetahuan, kuota untuk Malaysia selalunya tidak habis dan akhirnya dibeli oleh negara Jepun yang menggunakan nama orang Malaysia. Tuna itu tidak

dipasarkan di negara kita sebaliknya dibawa terus ke negara matahari terbit tersebut,” katanya.

Ramli berkata disebabkan itu, industri itu dilihat kurang mendapat pasaran di negara ini malah pernah menjadi lambakan sehingga menyebabkan harganya menjunam sehingga RM3 sekilogram.

“Jadi kita rugi kerana tuna itu pada satu-satu masa berlebihan berikutan kurang mendapat

sambutan. Keadaan itu memang tidak berbaloi berikutan nelayan ini terpaksa belayar berhari-hari namun dengan harga yang pernah menjunam sehingga paras terendah menyebabkan golongan berkenaan menghadapi kesukaran dan tidak memperolehi pendapatan berikutan kos yang perlu dikeluarkan dahulu,” katanya.

Ramli berkata disebabkan situasi tersebut, beliau mengusahakan burger tuna menerusi jenama LaTuna seawal tahun 2012 dan bermula tahun 2018 memberanikan diri untuk meneroka pasaran di Semenanjung Malaysia dan telahpun mempunyai agen di beberapa lokasi di Kuala Lumpur.

“Semasa perniagaan baru hendak naik dan ketika kapal terbang pun masih menerima untuk dihantar ke Kuala Lumpur, boleh dikatakan kami mendapat banyak tempahan namun apabila kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ia tidak dapat dihantar ke Kuala Lumpur.

“Ketika itu stok yang ada terpaksa diagih-agihkan kepada penduduk setempat dan saya terpaksa menanggung kerugian ratusan ribu selain pihak peraih pula terpaksa membatalkan pesanan berikutan masalah logistik,” katanya.

Ramli masih menaruh harapan untuk melihat produk hiliran berasaskan tuna ini dapat dilaksanakan semula sekali gus dapat memasarkannya ke seluruh pelosok negara.

“Selain saya, ada beberapa lagi pengusaha produk hiliran yang turut terkesan dengan situasi tersebut serta turut trauma. Jika hendak bangunkan semula memerlukan sokongan semua pihak khususnya KPKM,” ujar beliau. 



RAMLI

TAMAN WETLAND

rekreasi pendidikan

AMIN FARIJ HASAN

TERLETAK di Presint 13, taman awam seluas 3.35 kilometer persegi ini dibangunkan dengan tujuan mengekalkan kehijauan serta sebagai *green lung* dalam pembangunan Putrajaya.

Keindahan dan kehijauan Taman Wetland telah berjaya menjadikannya habitat kepada lebih 59 spesies burung penghijrah dan 200 spesies burung tempatan serta lebih 24 spesies ikan air tawar dan haiwan akuatik.


Dibuka pada Selasa hingga Ahad bermula pukul 7 pagi sehingga 7 malam, Taman Wetland menyediakan pelbagai kemudahan yang menjadi tarikan pengunjung seperti Flamingo Pond, Menara Pandang, Glamping Taman Wetland dan Wetland Studios Putrajaya dahulunya dikenali sebagai Pusat Penghayatan Alam (NIC).

Bukan sahaja sebagai destinasi rekreasi tetapi juga menjadi pusat pendidikan alam dan lokasi pelbagai program sekali gus menarik pelawat dari serata dunia. 



LAND

alam



Suasana desa sempena PPD 2024 pikat pelancong

DIANA AMIR

Foto: SHUAIB AYOB



AZIZAH (tiga kanan) turut merasai buffet buah-buahan tempatan yang diadakan sepanjang PPD 2024.

PUTRAJAYA Park's Day (PPD) 2024 yang diadakan buat kali ketiga berjaya menarik kira-kira 12,000 pengunjung sekali gus melepasi sasaran yang diletakkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) iaitu seramai 10,000 orang.

Dengan bertemakan Mengimbu Zaman Dulu-Dulu pengunjung berpeluang merasai pengalaman melakukan aktiviti bertepatan dengan tema yang ditonjolkan seperti menangkap belut di bendang, menanam pokok padi, demo menoreh dan memproses getah, pertandingan mengail tradisional menggunakan joran bulu, mengacau dodol dan



menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa. Demonstrasi dan aktiviti yang disediakan juga menepati tema acara PPD 2024 sekali gus mencetuskan kemeriahan dan kenangan mengimbu zaman dulu-dulu yang amat disukai pengunjung terutamanya golongan kanak-kanak.

"Buffet buah-buahan tempatan seperti rambutan, langsung, manggis, mata kucing dan banyak lagi turut mendapat sambutan yang hebat daripada pengunjung. Di dalam taman ini mempunyai pelbagai jenis pokok buah-buahan jadi kita tawarkan buah yang kita tanam untuk mereka rasa dengan harga serendah RM10 buat dewasa dan RM5 untuk kanak-kanak," katanya kepada Wilayahku.

Haslinda berkata melihat kepada sambutan luar biasa yang diterima membuktikan objektif PPD 2024 tercapai di mana Taman Warisan Pertanian Putrajaya yang merupakan lokasi program berjaya dipromosikan sebagai taman yang berkonsepkan warisan tradisional Melayu serta sebagai pusat pendidikan, rekreasi dan pusat jualan sehenti produk agro pertanian.

"Taman Warisan Pertanian merupakan salah satu taman yang wajib dikunjungi kerana ia dibangunkan bagi memelihara warisan dan pertanian Malaysia dengan menawarkan keunikan dusun dalam bandar yang berkonsepkan Agro Tourism. "Pengunjung boleh melawat taman ini pada hari biasa di mana kita mengenakan sedikit bayaran untuk masuk dan mereka boleh melakukan aktiviti *brisk walk* sambil melihat tanaman yang ditanam. Kita juga ada sawah untuk memperlihatkan penanaman padi kepada pengunjung khususnya kanak-kanak dan pelancong luar," ujarnya.

Tambahnya, program yang berlangsung selama dua hari pada 22 hingga 23 Jun 2024 itu bertujuan untuk mempromosikan keunikan dan kepelbagaian 12 buah taman awam yang terdapat di Putrajaya yang menjadikannya sebagai tarikan pelancongan.

"Kebanyakan pengunjung sangat berpuas hati dengan aktiviti, demonstrasi, pertandingan serta kemudahan yang disediakan sepanjang program berlangsung dan mereka mahu agar program seperti ini diteruskan kerana ia amat menarik dari segi pendedahan pembelajaran, adat resam seni budaya, makanan unik kampung, permainan tradisional dan lain-lain kenangan yang kian dilupakan oleh generasi bandar yang telah ditelan arus pemodenan.

"Selain keluarga dan pelancong



luar, kita juga menerima rombongan sekolah rendah semasa program di mana mereka berpeluang merasai sendiri pengalaman menangkap belut dan ikan. Pasti ia pengalaman yang menarik buat anak-anak ini," katanya.

Mengulas lanjut, Haslinda berkata pihaknya akan menambah baik kemudahan infrastruktur khususnya memberi keutamaan kepada warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu mengandung dan kanak-kanak terutamanya perkhidmatan *buggy* yang selesai.

"Pada masa akan datang, kita juga akan melibatkan lebih ramai penyertaan rakan strategik dan sekolah-sekolah di sekitar Putrajaya serta memperbanyakkan aktiviti yang menarik sesuai dan mencabar dengan penglibatan pelbagai lapisan umur juga akan diketengahkan.

"Semoga dengan program ini akan membuatkan taman-taman awam di Putrajaya menjadi tumpuan utama bagi warga kota di Putrajaya dan Lembah Klang bagi aktiviti sukan dan rekreasi santai di samping dapat berkongsi keunikan keseluruhan 12 taman metropolitan di Pusat Pentadbiran Kerajaan yang unik dengan tema dan karakter tersendiri seterusnya dapat dihargai dari satu generasi ke generasi yang akan datang.

"Nantikan Putrajaya Park's Day

tahun 2025 di taman awam Putrajaya dengan konsep dan tema baharu lebih menarik dan berinformasi yang pastinya akan menggamit kemeriahan dan kesejahteraan warga kota," ujarnya.

Terdahulu, PPD 2024 telah dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Taman Warisan Pertanian, Presint 16, Putrajaya pada Sabtu. Turut hadir Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud; Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Datuk 'Ainu Sham Ramli; Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlee Yatim dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Selangor, Aiada Abdul Rashid.

Bagi penganjuran kali ini, PPj turut mendapat kerjasama daripada rakan strategik iaitu FAMA, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Red Adventure Sdn Bhd dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PutraKop).



permainan tradisional antaranya congkak, batu seremban, sepak raga, gasing, sepak bulu ayam dan banyak lagi.

Menurut Naib Presiden (Jabatan Landskap dan Taman) PPj, LAr. Haslinda Khalid, program tersebut merupakan salah satu pengisian yang disenaraikan di dalam Kalendar Acara PPj.

"Acara yang dianjurkan berjaya



Fokus dalam pemberian dana untuk filem

PELBAGAI inisiatif untuk manfaat penggiat seni dapat dilaksanakan dengan peruntukan RM160 juta menerusi Belanjawan 2024 bagi membantu merangsang pertumbuhan industri kreatif berkembang dengan lebih pesat.

Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), **Datuk Afdlin Shauki** berkata peruntukan tersebut boleh merancakkan industri kreatif serta mampu memberi sumbangan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

“Sekarang ini kita ‘bermain’ dalam tahap yang berbeza. Misalnya James Wan yang merupakan pembikin filem tempatan yang kini buat filem di Hollywood. Dulu dia buat di Malaysia bajet agak kecil dan sekarang agak besar di sana. Dia bagus dalam *horror*, jadi dia fokus genre itu.

“Kalau cakap pasal peruntukan, memang tak cukup, tapi mungkin idea yang lebih baik adalah daripada menyebarkan kepada ramai pembikin filem, rasanya lebih bagus kalau fokus kepada beberapa filem dalam pemberian dana,” katanya.

Afdlin ditemui pada Sesi Apresiasi Filem: Pagari Bulan



AFDLIN (tengah) bersama sebahagian panel pada Sesi Apresiasi Filem: Pagari Bulan di UKM.

(Filem Kita, Budaya Kita: Garapan Sejarah Dari Lensa Kreatif) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

Beliau turut berharap peruntukan tersebut lebih

memfokuskan kepada skrip yang bagus terutamanya filem bergenre kenegaraan.

“Kalau ada skrip yang bagus misalnya buat filem pasal tokoh Tok Gajah, saya rasa sepatutnya

dana ke sana. Untuk projek-projek kecil pula, boleh usahakan untuk cari pembiayaan dari luar.

“Dalam masa yang sama, kita perlu ada terutamanya filem kenegaraan yang boleh dihantar

ke *Netflix* di mana filem itu boleh kita banggakan. Kalau nak satu produk yang bagus, skrip tu kena bagus bukan buat dalam masa sebulan. Maknanya skrip ‘dimasak’ dalam enam bulan ke setahun sebelum bersedia untuk hantar ke produksi.

“Kita di Malaysia ni selalu nak cepat. Contoh yang saya bagi adalah filem saya, *Harimau Malaya*, *shooting* bulan Disember, cadangnya Jun dah nak tayang,” ujarnya.

Dalam pada itu, Afdlin turut memuji kehebatan filem *Padu* yang memaparkan pasukan bola keranjang wanita juara sebanyak 13 kali.

“Macam mana kita boleh tak tahu sebab bola keranjang tidak sepopuler bola sepak dan badminton. Lagipun tak ada orang nak cerita pasal ini. Pihak media akan main cerita yang besar dan popular.

“Filem *Padu* memang padu. Ceritanya bagus. Ia melambangkan Malaysia yang sepatutnya digambarkan selain diadaptasi daripada kisah benar. Produk bagus, kita kena kongsi dan sebar. Kalau kita buat tak tahu, habislah industri kita,” tambahnya. 

Nilai potensi anak seni sebelum pertikai

DEEL ANJER

PENGARAH dan pelakon terkenal, **Datuk Afdlin Shauki** berharap agar netizen menilai terlebih dahulu kebolehan atau potensi anak-anak seni sebelum mempertikaikan pelantikan mereka sebagai pakar dalam sesetengah bidang untuk pembelajaran di universiti.

Pengarah filem *Papadom* yang baru dilantik sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata pelantikan terbahagi kepada dua iaitu pelantikan akademik dan pelantikan adjung atau melibatkan pakar industri.

“Kadang-kadang terdapat pelajar yang hanya tahu akademik sahaja, apabila keluar ke dunia pekerjaan sebenar, mereka akan rasa sangat berbeza dengan apa yang dipelajari. Tak sama.

“Jadi apabila ada pakar industri berhubung dengan pakar akademik, barulah para pelajar dapat pembelajaran yang lebih holistik dan kita dapat lihat ia saling melengkapi,” katanya.

Terdahulu, netizen mempertikaikan pelantikan

penyanyi, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** sebagai pakar di Pusat Pendidikan Berterusan Pendidikan Universiti Malaya (UMCced).

Tambah beliau, Siti Nurhaliza layak kerana pengalaman serta pencapaian belum boleh diganggu gugat oleh artis lain.

“Boleh tak kita cakap **Datuk Seri Siti Nurhaliza** pakar industri? Jawapannya adalah ya. Siti adalah antara artis yang paling hebat di Malaysia di mana telah menerima pelbagai anugerah dalam dan luar negara dan pencapaian dari segi kewangan, status, tambah pula beliau banyak membanggakan negara dan sebagainya.

“Kalau kita nak persoal lantikannya sebagai pakar dalam industri, saya rasa itu tak betul. Bagi saya, kalau seseorang artis itu sudah ada pengalaman dalam industri tak perlu nak persoalkan. Pemilihan itu dibuat bukannya mudah.

“Jika tak ada pengalaman tiba-tiba diangkat, mungkin mudah untuk orang perlekehkan. Tapi sekarang ini, orang yang melantik adalah golongan cerdik pandai di universiti yang ingin memberi pengiktirafan kepada

pakar industri.

“Apa yang disedari oleh universiti-universiti adalah kena ada keseimbangan dalam akademik dan pengetahuan industri,” ujar beliau.

Beliau yang baru sahaja dilantik sebagai Profesor Adjung bagi tempoh 16 Jun 2024 hingga 15 Jun 2026 berharap agar anak-anak seni yang lain juga akan diberikan peluang sebegini suatu hari nanti.

“Saya berharap dan juga berterima kasih kepada semua universiti yang mula memandang pencapaian anak-anak seni dan menghargai mereka dengan lantikan-lantikan yang diberikan.

“Sebagai Pengerusi Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM), saya sangat mengalu-alukan, iktirafkan mereka yang telah mencipta nama dan menaikkan nama negara supaya dapat dijadikan contoh kepada pelajar-pelajar akademik kita,” ujarnya. 



Bantu kelangsungan hidup insan memerlukan

500 peluang pekerjaan menanti OKU

SYED HAZIQUE

DALAM usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan dan perniagaan orang kurang upaya (OKU), mereka diberi peluang pekerjaan sepenuh masa untuk menghasilkan sejuta pek biskut.

Projek yang dikendalikan DMG Food Industry Sdn Bhd dengan kerjasama Dewan Perniagaan OKU Malaysia direalisasikan melalui Program Sejuta Kasih MyKu-Kiss.

Pengurus Besar DMG, **Datuk Dr Hassan Saad** berkata ia melibatkan nilai jualan kira-kira RM5.9 juta, yang mana sebahagian daripadanya akan disumbangkan kepada Dewan Perniagaan OKU untuk manfaat kumpulan memerlukan.

“Produk biskut jenama MyKu-Kiss ini dijual di semua segmen peruncitan termasuk dalam talian pada harga RM5.90 sekotak dan kami akan turut menghantarnya ke semua cawangan Dewan Perniagaan OKU di seluruh negara untuk diedarkan.

“Kami yakin produk ini akan mendapat sambutan baik dengan sokongan ahli Dewan Perniagaan OKU dan bercadang untuk memperluaskan lagi projek-projek kerjasama seumpama ini untuk memberi manfaat kepada kumpulan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program Sejuta Kasih MyKu-Kiss baru-baru ini.

Tambah Hassan, ia juga memberi



peluang kepada usahawan OKU bagi menonjolkan bakat serta kemahiran mereka.

“Ia secara tidak langsung memberi peluang kepada golongan tersebut untuk bekerjasama dengan pihak industri.

“Kita juga mahu menonjolkan

bakat serta kemahiran golongan OKU ke persada ekonomi negara bagi bersama melonjakkan sektor ekonomi dalam bidang makanan dan peruncitan,” jelasnya.

Menurut Hassan, program tersebut turut menawarkan peluang kepada 500 OKU untuk

menjadi rakan strategik pemasaran runcit di seluruh Malaysia.

“Kita juga mahu

mewujudkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 500 OKU seluruh negara untuk menjadi rakan strategik pemasaran kita.

“Mereka akan bekerjasama dengan lebih 1,000 kedai runcit, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya,” ujarnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Isaiah D. Jacob berkata beliau mahu golongan OKU diberi peluang untuk terus berbakti kepada masyarakat selain meneruskan kelangsungan kehidupan.

“Kami bukan meminta simpati tetapi kami meminta sokongan semua pihak agar golongan OKU dapat diberi peluang.

“Dalam masa sama, kita juga mahu membuktikan bahawa golongan OKU juga mampu tampil sebagai orang

berkemampuan dalam pelbagai bidang seperti insan normal yang lain,” katanya. 



PRODUK biskut jenama MyKu-Kiss mendapat permintaan menggalakkan.

Tembikar Mambong lebih 100 tahun masih diminati

MENGUNAKAN teknik cubit dan picit, teknik lingkaran dan teknik cantuman serta keunikan tanah liat yang mempunyai kilauan seperti bintik-bintik emas, membuatkan tembikar Mambong masih mendapat permintaan tinggi penggemarnya walaupun sudah berusia lebih 100 tahun.

Dikenali sebagai tembikar Mambong kerana berasal dari Kampung Mambong yang terletak kira-kira 20 kilometer dari pekan Kuala Krai, untuk sampai ke perkampungan terpencil bagi melihat sendiri hasil seni proses pembuatan produk berkenaan perlu menggunakan bot.

Pengusaha tembikar Mambong, **Zainab Hussin**, 72, berkata tembikar yang dihasilkan mempunyai keunikan tersendiri kerana tanah liat perlu dibentuk dan dibakar terlebih dahulu bagi mengekalkan rupa bentuk selain memastikan ia kukuh dan kalis air.

“Saya mempelajari seni kraf ini daripada bapa mentua kira-kira 50 tahun lepas dengan menggunakan teknik tradisional



HARGA sebiji tembikar boleh mencecah RM400.

selain menggunakan batu sungai dan beberapa alat buatan daripada buluh untuk menghias tembikar.

“Harga sebiji tembikar berbeza-beza mengikut jenis dan saiz sekitar RM30 hingga RM100 dan boleh mencecah RM400 sekiranya membeli lima set pelbagai jenis tembikar,” katanya ketika ditemui

Bernama di bengkel mini miliknya di Kampung Mambong baru-baru ini. Sementara itu, **Halimah Said**, 68, yang

juga pembuat tembikar berkata tembikar hasil buatan tangan lebih menarik kerana mempunyai nilai seni tersendiri dan berkualiti.

“Tanah liat yang digunakan diambil dari Kampung Bahagia terletak dua kilometer dari Kampung Mambong. Saya pernah mencuba membuat tembikar

menggunakan tanah liat dari tempat lain, namun hasilnya tidak elok kerana mudah pecah dan kurang berkualiti.

“Selain tembikar, barangan lain yang menggunakan bahan daripada tanah liat adalah teko, kendi, alat pengukus kuih, belanga dan tempat membakar

kemenyan,” katanya.

Sementara itu, jurupandu Stong Geopark Dabong, Kuala Krai dan Jeli, Mohd Rafizi Abdullah berkata seni kraf pembuatan tembikar secara tradisional di Kampung Mambong seharusnya dipelihara kerana mempunyai nilai estetik yang begitu tinggi.

Beliau berkata pihak berkuasa khususnya kerajaan negeri perlu menambah baik perkampungan itu seperti tempat pendaratan bot yang lebih sesuai bagi memudahkan pelancong berkunjung ke kawasan berkenaan serta menyediakan kemudahan awam untuk menarik lebih ramai pengunjung.

“Selain itu, kerajaan negeri juga boleh mewujudkan satu kawasan atau pusat seni kraf berdekatan pinggir Sungai Kelantan yang berdekatan dengan Kampung Mambong untuk penduduk menjual produk-produk yang dihasilkan seperti tembikar, tikar mengkuang dan sebagainya bagi menjana pendapatan,” katanya. **-BERNAMA**



ZAINAB



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Majlis Makan Tengah Hari sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-47 Dewan Perniagaan Amerika Syarikat Malaysia (AMCHAM).



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur baru-baru ini.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz ketika menghadiri Google Cloud Malaysia Day pada Rabu.



MENTERI Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menerima kunjungan hormat dan mengadakan perbincangan dua hala bersama Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas di ibu negara.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar menerima kunjungan hormat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi membincangkan isu-isu semasa hak asasi manusia.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menghadiri INTAN Minister's Conversation (IMC) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

YWP, TV Alhijrah jalin kerjasama

Tingkat kesedaran bantu masyarakat

DIANA AMIR

PELBAGAI usaha giat dilakukan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dalam usaha memastikan masyarakat efektif membantu golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan.

Seiring itu, YWP menjalinkan kerjasama strategik bersama TV Alhijrah selaku media elektronik yang mempunyai jangkauan luas dalam kalangan penonton yang rata-rata beragama Islam di Malaysia.

Menurut Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj**, jalinan kerjasama itu mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang inisiatif serta program yang dilaksanakan YWP.

"Antaranya adalah melalui dokumentari khas yang menceritakan inisiatif YWP menyantuni rakyat lebih 38 tahun dan mempromosi bantuan-bantuan YWP selain kandungan berimpak positif.

"Ia juga akan menjadi salah satu medium penyampaian maklumat mengenai isu-isu komuniti yang relevan seperti pendidikan, kesihatan, kemiskinan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh YWP untuk mengatasinya.

"Beberapa perkara juga telah diusulkan antaranya pertandingan atau peraduan berkaitan pendidikan serta latihan vokasional seperti kuiz, esei atau video kreatif," ujar beliau.

Dalam masa yang sama, kerjasama tersebut dapat membantu dari segi pengumpulan dana melalui siaran televisyen dan juga platform digital sekali gus memperluas sokongan daripada sektor korporat dan individu untuk memastikan kelangsungan serta keberkesanan program-program YWP.

"Pemilihan stesen TV Alhijrah adalah tepat kerana ia selari dengan objektif YWP yang

mahu berkongsi nilai-nilai murni termasuk berusaha ke arah memperkasakan komuniti dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

"Dengan sokongan dan penyertaan semua pihak, kita mampu mencapai matlamat bersama untuk kesejahteraan dan kemajuan komuniti," ujar beliau.

Berkongsi perancangan akan datang, **Abdul Rahman** berkata YWP melalui anak syarikatnya, YWP Media berhasrat untuk bekerjasama dengan TV Alhijrah dalam pembangunan filem selaras dasar-dasar pembangunan negara.

Terdahulu, turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut, Ketua Pegawai Operasi TV Alhijrah, **Nadzariah Mohamed**; Pengerusi YWP Media, **Datuk Afdlin Shauki Aksan** dan Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Komuniti & Komunikasi Strategik YWP, **Datin Ts Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir**. 



ABDUL RAHMAN menerima cenderahati daripada **Nadzariah**.

Ibu rayu bantuan RM30,000

TIADA ibu bapa yang mampu menahan kesedihan apabila satu-satunya anak kesayangan yang baru sahaja berusia empat tahun diuji derita penyakit kronik kanser tulang sejak tahun lalu.

Bagi pasangan **Khairul Azlan Abd Halim** dan **Nor Najiha Abdul Rani**, mereka sanggup melakukan apa sahaja asalkan permata hatinya, **Jasmin Delisha** kembali sihat dan ceria seperti sebelum ini.

Namun apalah daya apabila kos rawatan di luar kemampuan dan mereka terpaksa memohon sumbangan orang ramai demi menyelamatkan buah hatinya.

Bercerita lanjut kepada *Wilayahku*, **Nor Najiha** berkata mereka memerlukan bantuan sebanyak RM30,000 bagi mencukupkan kos rawatan berjumlah RM80,000.

"Jasmin baru sahaja selesai menjalani pembedahan pembedahan tumor di tulangnya pada Februari lalu dan tulang itu diganti dengan titanium sepanjang tujuh sentimeter (cm) di mana kos pembedahan itu berjumlah RM150,000.

"Kini dia menjalani sesi fisioterapi bagi melembutkan otot kaki supaya boleh berjalan semula. Selain itu, dia juga perlu menjalani sesi kemoterapi sebanyak 12 kali dan kini masih lagi berbaki lapan sesi.

"Setiap sesi kemoterapi menelan belanja kira-kira RM15,000 tidak termasuk caj lain sekiranya ada tambahan ubat atau kena buat rawatan lain. Kami juga berdepan dugaan apabila *chemo port* lama yang **Jasmin** selalu guna



JASMIN (tengah) ketika menjalani sesi fisioterapi.

terpaksa dikeluarkan dan diganti baharu kerana kesan daripada jangkitan di bahagian tersebut," ujarnya sayu.

Tambah **Nor Najiha**, jarak untuk setiap sesi kemoterapi adalah 18 hari dan sepanjang masa tersebut **Jasmin** tidak boleh ke tempat sesak kerana sistem imun yang rendah.

"Tetapi selepas habis kemoterapi, akan ada suntikan untuk naikan bacaan *neutrophill* (ANC) iaitu antibodi dia. Kalau ANC tu rendah, akan senang dapat jangkitan kuman atau demam. Dia juga perlu melakukan ujian darah sebanyak tiga kali supaya bacaan darah cantik dan sesi kemoterapi seterusnya dapat diteruskan dengan lancar.

"**Jasmin** perlu menjalani satu lagi pembedahan untuk mengganti titanium tetapi ia bergantung

kepada tumbesaran dan ketinggian dia, sekiranya kaki kanan dengan kaki kiri (yang sakit) tak sama ukuran ketinggian kena jalani pembedahan lain untuk *adjust* ketinggian," ujarnya.

Luah **Nor Najiha**, sebelum ini dia pernah cuba mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak namun ditolak dengan alasan rawatan dilakukan di hospital swasta.

"Kami sangat berterima kasih kepada semua pihak yang telah membantu sepanjang proses rawatan **Jasmin**. Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya," ujarnya lagi.

Bagi yang ingin menyalurkan sumbangan bolehlah menderma ke akaun **5623 1133 4249** (Maybank). Sebarang pertanyaan lanjut boleh ke laman *Instagram* @ **kkhairullazlan**. 

Halcare tingkat pemahaman halal

BAGI memastikan pemahaman yang menyeluruh dalam ilmu halal, Universiti Malaya (UM) menganjurkan Program Halcare bersama komuniti mualaf baru-baru ini.

Menurut Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), **Dr Norhidayah Pauzi**, Program HalCare yang merupakan singkatan bagi HalalCare: Awareness and Empowerment adalah sebahagian daripada kursus teras Fiqh al-Halal wa al-Haram fi al-Islam.

"Program ini merupakan inisiatif khidmat komuniti yang bertujuan untuk memperkukuh pemahaman mengenai aspek halal dan haram dalam pemakanan, pendapatan dan hubungan sosial terutamanya dalam kalangan komuniti mualaf.

"Konsep halal tidak terhad kepada makanan dan minuman sahaja, tetapi juga boleh diterapkan dalam pelbagai aspek kehidupan lain termasuk pendapatan dan hubungan sosial," ujar beliau yang juga merupakan Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Halal Universiti Malaya (UMHRC).

Norhidayah berkata program tersebut merupakan anjuran pelajar tahun kedua Sarjana Muda Syariah dengan pengkhususan dalam Fiqh dan Usul dari APIUM.

"Sasaran kita adalah golongan mualaf kerana kebanyakan

mereka memiliki pemahaman yang rendah tentang konsep halal dan haram, meskipun telah lama mengikuti pengajian.

"Kelemahan yang dimaksudkan ini boleh dikaitkan dengan dua faktor utama. Pertama, sebahagian besar daripada komuniti mualaf ini kurang lancar berbahasa Melayu, sedangkan kebanyakan kelas dan pengajar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ini memberikan cabaran tambahan kepada mereka untuk mengikuti kelas pengajian yang disediakan.

"Kedua, peruntukan masa yang terhad untuk setiap kelas iaitu hanya dua jam setiap minggu, sebenarnya tidak mencukupi untuk mereka benar-benar memahami dan menjiwai kesemua yang diajar," jelasnya.

Mengulas lanjut, **Norhidayah** berkata para pelajar UM telah mereka bentuk aktiviti yang bukan sahaja berbentuk ceramah, namun juga berbentuk interaktif bagi meningkatkan pemahaman peserta mengenai aspek halal dan haram dalam kehidupan seharian.

"Seramai 30 orang peserta daripada komuniti mualaf telah menyertai Program HalCare ini, berumur di antara 20 hingga 70 tahun," ujarnya.

Terdahulu, Program Halcare merupakan sebahagian daripada aktiviti geran penyelidikan FP032-2023 turut mendapat kerjasama dari Masjid Amaniah, Kepong, Kuala Lumpur. 

Migrasi ke IPv6 demi kedaulatan negara

AZLAN ZAMBRY

KEDAULATAN negara tidak sekadar merangkumi sempadan angkasa, darat dan maritim semata-mata bahkan ia kini mencakupi alamat protokol Internet (IP) yang berisiko diceroboh.

Hal tersebut sekali gus mampu menjejaskan kedaulatan, keselamatan, pembangunan ekonomi serta kualiti perkhidmatan Internet yang tersedia untuk rakyat sekiranya sesebuah negara terpaksa bergantung kepada entiti luar bagi menyediakan sumber Internet.

Ahli Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) **Derek Fernandez** berkata bagi mengelakkan risiko tersebut negara boleh mengatasinya dengan mendaftar Internet nasionalnya sendiri untuk memerangi ancaman keselamatan siber dengan lebih baik serta Versi Protokol Internet (IPv).

Katanya, pada masa kini negara sedang dalam proses migrasi daripada sistem IPv4 kepada IPv6 untuk peraturan dan protokol yang lebih ketat.

IPv6 ialah protokol yang memberikan alamat IP unik untuk setiap pengguna dan membolehkan lebih banyak peranti disambungkan, serta ruang alamat yang lebih besar untuk keselamatan multimedia, prestasi dan keupayaan autokonfigurasi yang lebih baik.

"Kedaulatan negara bergantung pada keupayaannya untuk mengawal IPv mereka sendiri dan alamat yang terdapat di bawah sistem, kerana data adalah sebahagian daripada aset negara.

"Pada masa ini, kami dibenarkan untuk mempunyai kawalan kami sendiri ke atas data ini seperti yang diberi kuasa oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1985. Bagaimanapun, kami boleh mengurus dan mengawal data dan aset multimedia kami dengan lebih baik, jika kami mempunyai pendaftaran Internet nasional sendiri.



"Buat masa ini juga, kami perlu memohon kepada badan pentadbir antarabangsa apabila ia melibatkan alamat IP selain telah memohon untuk mempunyai pendaftaran sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan perasmian pada persidangan Strategi Migrasi IPv6 Asia Pasifik untuk Pengawal Selia dan Pihak Berkuasa baru-baru ini.

Beliau turut menzahirkan kepercayaan bahawa setiap negara yang berdaulat harus mempunyai alamat IP mereka sendiri bagi melindungi aset digital yang kian berkembang di serata dunia.

Dalam ucapannya, Derek menekankan kepentingan bagi sesebuah negara untuk mempunyai badan yang mentadbir sumber digitalnya sendiri berikutan ia penting untuk keselamatan negara dan pembangunan ekonomi.

"Kawalan alamat untuk

penghantaran, komunikasi, maklumat dan perkhidmatan data menggunakan alamat IP tertentu di negara sendiri mestilah menjadi milik anda.

"Data ini tidak boleh dimiliki oleh mana-mana negara lain kecuali negara di mana alamat tersebut berdaftar

"Saya percaya bahawa kerajaan melalui MCMC telah memulakan langkah untuk mewujudkan pendaftaran Internet nasional dan berharap negara lain akan mengikutinya," katanya.

BAKAL TUKAR SISTEM

DEREK, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyalahgunaan Dalam Talian dan Keselamatan Maklumat MCMC berkata persidangan dua hari itu mengumpulkan pakar-pakar industri dari rantau Asia Pasifik dengan mengadakan perbincangan yang bermanfaat mengenai konsep IPv6 dan mencari kaedah agar negara-negara lain boleh menerima pakai protokol Internet.

Kata beliau, pada masa ini Malaysia adalah antara tiga negara teratas di dunia yang sedang menunggu untuk menukar sepenuhnya sistem kepada IPv6.

Terdahulu, Setiausaha Agung Asia Pacific Telecommunication, Masanori Kondo dalam ucapan alu-aluan menerusi dalam talian menyeru semua pihak berkepentingan untuk menyokong sebarang usaha dalam memastikan keselamatan Internet dipertingkatkan demi

kemakmuran bersama.

Bengkel selama dua hari itu melibatkan penyertaan hampir 200 peserta dari 50 buah negara termasuk Thailand, Luxembourg, Indonesia, Laos, Jepun, Perancis, China dan lain-lain. Ia turut diadakan secara atas dalam talian.

Hadir sama, Pengerusi Global IPv6 Forum dari Luxembourg, Dr Latif Ladid dan Pengerusi APAC IPv6 Council, IPv6 Forum Malaysia, Profesor Emeritus Dr Sureswaran Ramadass.

Disebabkan itu, kesan ke atas negara membangun dan

ISP baharu amat terjejas kerana mereka bergelut untuk memperoleh alamat IPv4 yang diperlukan untuk mengembangkan perkhidmatan Internet mereka.


IPv4 turut berisiko terdedah kepada penipuan berikutan kekurangannya yang telah menimbulkan pasaran sekunder di mana alamat IPv4 dibeli dan dijual selalunya pada harga yang tinggi. Pasaran ini kadangkala boleh membawa kepada aktiviti penipuan, seperti rampasan blok alamat IP atau penjualan alamat yang disalahgunakan sebelum ini.

Insiden rampasan alamat IP, di mana entiti berniat jahat mengawal sekatan alamat IP yang tidak digunakan atau kurang digunakan telah menjadi lebih berleluasa. Ini menimbulkan risiko kepada keselamatan rangkaian dan integriti perkhidmatan.

Selain itu, IPv4 yang tersedia turut berdepan dengan kerumitan pengurusan rangkaian. Untuk mengatasi kekurangan IPv4, banyak rangkaian menggunakan NAT untuk berkongsi satu alamat IPv4 awam antara berbilang peranti. Walaupun ini memanjangkan kebolehgunaan alamat IPv4, ia boleh merumitkan pengurusan rangkaian dan merendahkan prestasi sesetengah aplikasi.

Cabaran untuk rangkaian IPv4 turut berdepan masalah ekor lebih banyak perkhidmatan dan kandungan beralih ke IPv6, rangkaian IPv4 sahaja mungkin menghadapi isu ketersambungan, memberi kesan kepada pengalaman pengguna dan akses kepada perkhidmatan Internet moden. 📶

IPV4 VS IPV6



23 kes demam denggi baharu direkodkan - JK Labuan

JABATAN Kesihatan Labuan merekodkan kes demam denggi baharu dengan jumlah kumulatif sebanyak 23 kes.

Menurut Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Labuan, **Dr Mohd Zaki Ab Hamid**, Kampung Patau-Patau Satu merupakan lokaliti yang masih aktif dengan mencatatkan sembilan kes denggi.

Katanya, unit penguatkuasaan Jabatan Kesihatan Labuan telah dikerahkan ke lokaliti tersebut dan mengambil tindakan undang-undang termasuk mengeluarkan lima kompaun dan denda RM500 setiap satu sejak



MOHD ZAKI

Januari tahun ini.

“Kita menyeru masyarakat setempat sentiasa peka serta meningkatkan kesedaran tinggi berkaitan kepentingan mengekalkan persekitaran bagi mencegah nyamuk aedes daripada membiak,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 2024 Peringkat Labuan sempena Hari Denggi ASEAN di sini, baru-baru ini.

Jelas beliau, pada Minggu Epid 24 tahun ini, negara telah merekodkan sejumlah 2,900 kes demam denggi dengan peningkatan 15.6 peratus bersama dengan 392 kes baharu berbanding

tahun sebelumnya.

Katanya, daripada jumlah tersebut Labuan merupakan salah satu negeri yang menyumbang kes demam denggi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Ibrahim Tambi** menyeru masyarakat di pulau itu sentiasa peka dan menjaga kebersihan kawasan persekitaran agar tidak menjadi tempat pembiakan aedes.

“Saya menyeru kepada semua masyarakat khususnya di lokaliti yang mencatatkan kes denggi untuk bersama-sama dengan pihak Jabatan Kesihatan Labuan untuk memerangi wabak ini agar ianya dapat dibendung dan seterusnya mampu menjamin keselamatan dan kesihatan semua khususnya masyarakat di sini,” katanya. 



GOTONG-ROYONG dijalankan bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

Harga bermula RM1,000 hingga RM2,000 sebulan

Penduduk rayu pantau kadar sewa rumah

KHAIRUL IDIN

SEGELINTIR penduduk yang berhijrah ke Labuan menyuarakan keluhan berikutan kadar harga rumah sewa yang ditawarkan semakin mahal dan membebankan khususnya golongan rentan.

Kebanyakan rumah kampung dan teres yang berukuran kurang daripada 800 kaki persegi ditawarkan pada harga bermula RM1,000 sehingga RM2,000 sebulan menyebabkan kesukaran kepada golongan pekerja yang memerlukan tempat perlindungan.

Di sebalik rungutan tersebut, tidak dinafikan ada penyewa yang sanggup membayar meskipun berikutan tiada pilihan lain selain perumahan awam yang disediakan kerajaan amat terhad.

Tinjauan Wilayahku mendapati ada segelintir golongan yang terpaksa mengikat perut

disebabkan kos sara hidup yang agak tinggi di pulau ini di samping bayaran sewa rumah yang tinggi menyebabkan mereka menggesa kerajaan memantau perkara berkenaan supaya tiada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan disebabkan masalah tersebut.

Bagi pekerja swasta, **Fedili Julaim**, 35, dia dan isteri yang hanya memperolehi pendapatan di bawah RM3,500 perlu membayar RM1,200 sebulan bagi rumah kampung yang disewa mereka sejak beberapa tahun.

Katanya, dia dan isteri terpaksa akur dengan kadar harga sewa yang ditetapkan kerana bilangan rumah sewa di pulau itu terhad selain permintaannya tinggi

menyebabkan harga yang ditawarkan turut meningkat.

“Kami terpaksa berjimat cermat untuk membayar sewa rumah meskipun agak mahal namun kita yang bekerja di sini terpaksa terima walaupun ia membebankan.

“Sejujurnya kadar sewa di sini amat mahal berbanding di tempat lain, malah dengan harga sebegini, kami boleh mendapat rumah sewa yang lebih selesa,” katanya.

Beliau yang berasal dari Sarawak berkata mereka sekeluarga terpaksa berkorban banyak perkara bagi memastikan perbelanjaan bulanan yang

merangkumi bayaran sewa, bil utiliti dan keperluan dua anak yang masih bersekolah dapat disediakan.

“Memang kami terasa

beban dengan kenaikan sewa rumah kerana enam tahun dahulu sewa rumah di sini hanyalah di bawah RM900 sahaja berbanding masa ini,” katanya.

Md Johari Md Jamri, 34, terpaksa akur dan ‘pejam mata’ untuk membayar sewa rumah yang agak tinggi sekitar RM1,200 sebulan demi meneruskan kehidupan sebagai perantau di pulau ini.

Dia yang berasal dari Sabah berkata sewa bulanan rumah itu sahaja sudah satu per empat daripada pendapatan bulannya yang digabungkan dengan isteri.

“Jika dibandingkan kadar sewa rumah sekitar tahun 2015 hanyalah di bawah RM700 sahaja berbanding sekarang. Ia amat membebankan kepada kami

sebagai golongan berpendapatan rendah.

“Kami suami isteri terpaksa akur dengan harga itu kerana tiada pilihan lain lagi kerana di sinilah sumber pendapatan kami,” katanya.

Md Johari tidak menafikan bahawa terdapat rumah sewa yang murah di sekitar Labuan, namun sudah tentu rumah ada penyewa.

“Kebanyakan rumah sewa murah terletak jauh dari bandar selain keadaan dan persekitaran rumah yang tidak selesa,” katanya.

Sementara itu, bagi pemilik rumah sewa flat di Perumahan Taman Mutiara, **Ramlan Abidin** berkata sebagai tuan rumah kutipan sewa yang diambil itu hanyalah untuk melangsaikan bayaran ansuran rumah, caj-caj berkaitan termasuk penyelenggaraan dan sebagainya.

“Saya telah mengusahakan rumah sewa sudah lebih 10 tahun, kutipan yang saya kenakan kepada penyewa itu merupakan kadar yang berpatutan jika dikira dengan bayaran ansuran bank dan komitmen lain. Jika ada lebihan sekalipun, ia adalah pendapatan sampingan dan tidaklah sebanyak mana,” katanya.

Beliau tidak menafikan memang ada segelintir pemilik rumah yang mengenakan kadar sewaan yang tinggi bertujuan mengaut keuntungan selain menjana pendapatan pasif menerusi hartanah tersebut.

“Contohnya saya sendiri bukan sahaja perlu bayar bayaran ansuran rumah, malah cukai pintu dan pembayaran yuran

penyelenggaraan. Itu belum lagi dikira dengan kerosakan lain atau kes terpercil yang perlu ditanggung pemilik rumah disebabkan kerenah penyewa yang pelbagai ragam.

“Keuntungan hasil daripada sewaan rumah ada juga disimpan untuk tujuan perbelanjaan baik pulih atau penyelenggaraan yang perlu,” katanya.

Menurut Ramlan, kadar sewa bagi rumah persendirian atau rumah kampung pula ditentukan oleh kos-kos bahan binaan yang ditanggung oleh pemilik.

Jelasnya, kos pembinaan sesebuah rumah mempengaruhi kadar sewa kerana bahan binaan dibawa masuk dari Sabah agak tinggi berbanding di kawasan lain berikutan kos pengangkutan yang meningkat beberapa tahun kebelakangan ini.

“Majoriti rumah kampung yang disewakan itu ditanggung sepenuhnya oleh pemilik dan harga barang binaan di pulau ini agak mahal berbanding di Sabah.

“Pemilik juga perlu menanggung banyak komitmen lain yang menyebabkan kadar sewa perlu dinaikkan namun kebanyakan harga sewaan di sini masih sesuai dengan nilai hartanah semasa,” katanya.

Ujarnya, sebagai pemilik tiada sebab hendak bertahan pada kadar yang lama berikutan kebanyakan pemilik sudah menaikkan kadar sewaan bulanan.

“Andai seorang bakal penyewa tidak berminat dan kurang mampu pada harga yang ditetapkan, mungkin ada penyewa lain yang lebih mampu,” katanya.

Pemilik rumah sewa, **Corina Anak Limping** turut menyuarakan

pendapat yang sama bahawa kadar sewa yang dikutip hanyalah untuk bayaran ansuran rumah dan caj-caj penyelenggaraan yang perlu ditanggung sebagai pemilik rumah.

“Salah satu faktor utamanya adalah nilai harga tanah di Labuan amat mahal dan itu belum lagi tanah di kawasan berdekatan dengan bandar utama, kadar sewaan pasti lebih mahal berbanding di kawasan perkampungan.

“Selain itu bilangan rumah di sini amat terhad dan permintaan untuk rumah sewa amat tinggi menjadikan kadar sewa bulanan melonjak,” katanya.

Corina berkata sebagai pemilik rumah, beliau terpaksa mengenakan kadar sewa mengikut pasaran pada kadar RM900 hingga RM2,000 mengikut jenis rumah itu sendiri.

“Seperti mana yang semua penduduk Labuan tahu bahawa kos sara hidup di pulau ini agak tinggi berbanding dengan kawasan lain maka itulah salah satu faktornya kenapa kadar sewa dikenakan dengan harga sebegini,” katanya.

Tambah Corina, beliau dan pemilik rumah yang lain hanya mengikut harga pasaran semasa hartanah di Labuan.

“Sebagai pemilik rumah, kami tidaklah mahu mengenakan kadar sewa yang membebankan penyewa, jika penyewa bersetuju dengan sewa yang ditetapkan, kami bersyukur. Namun jika penyewa merasa keberatan dengan sewa itu, kami sebagai tuan rumah akan mencari penyewa yang berkemampuan,” katanya. 



FEDILI



MD JOHARI



RAMLAN



ANTARA kenderaan dan barangan yang disita oleh penguat kuasa PPj.



Giat banteras peniaga rambo

PPj gesa peniaga dapatkan lesen secara sah

SABRINA SABRE

PUTRAJAYA bukan sahaja menjadi kawasan tumpuan orang ramai untuk bersantai atau beriadah bahkan ia turut menjadi lokasi para peniaga mencari rezeki.

Namun dalam keghairahan berniaga, mereka sanggup beroperasi di lokasi yang tidak dibenarkan tanpa mendapat lesen yang sah daripada pihak Perbadanan Putrajaya (PPj). Di sebalik tindakan tersebut, ia sebenarnya bakal mengundang pelbagai masalah kepada pengunjung.

Untuk itu, demi kesejahteraan masyarakat Putrajaya dan semua pemegang taruh, pihak penguat kuasa PPj giat menjalankan pemantauan dan rondaan penguatkuasaan secara berkala bagi memastikan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu menjadi sebuah bandar yang bersih, indah, harmoni dan tenteram.

Terbaharu satu operasi bersepadu membanteras penaja tanpa lesen atau lebih dikenali dengan panggilan 'rambo' dilakukan di sekitar Dataran Putra bermula pada pukul 4 petang sehingga 11:30 malam.

Seramai 72 orang anggota PPj bersama agensi sahabat iaitu tujuh orang anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), 10 orang anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta 12 orang anggota Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terlibat dalam operasi bersepadu tersebut.

Pengarah Bahagian Penguat

Kuasa dan Keselamatan PPj, **Fauzi Ismail** berkata operasi yang dilaksanakan itu adalah bagi memantau sebarang aktiviti awam yang dikesan menyalahi peraturan dan undang-undang ditetapkan oleh PPj demi menjadikan kawasan Dataran Putra selamat untuk orang awam bersiar-siar.

"Pelaksanaan operasi ini bertujuan untuk memastikan tiada sebarang aktiviti perniagaan tanpa lesen antaranya jualan makanan dan minuman, jualan permainan kanak-kanak serta sewaan kereta mainan, basikal dan kasut roda

yang juga menyebabkan persekitaran Dataran Putra kotor dan berbahaya kepada pengguna lain," ujarnya selepas Operasi Bersepadu Penguat Kuasa dan Keselamatan PPj baru-baru ini.

Beliau berkata antara sebab utama mengapa pihak penguat kuasa PPj tidak membenarkan peniaga untuk menjual barangan di sekitar kawasan tersebut adalah kerana ia berdekatan dengan masjid dan premis-premis bangunan utama negara yang berisiko tinggi daripada segi keselamatan.

"Dataran Putra merupakan kawasan larangan untuk berniaga. Dahulu banyak kejadian yang berlaku antaranya kes budak kena langgar sehingga patah kaki, jatuh dan sebagainya kerana laluan terhalang dan sempit apabila ramai yang berniaga.

"Selain itu, pada kebiasaannya peniaga yang menjual merupakan orang luar dan sekiranya berlaku sebarang kejadian seperti keracunan makanan dan lain-lain, ia akan menyukarkan pihak kami untuk mengenal pasti penjual tersebut. Oleh sebab itu, kita ambil pendekatan untuk tidak benarkan langsung semua jenis perniagaan dijalankan di situ," ujarnya.

Menurut Fauzi, sebanyak tujuh kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1) Perlesenan Penaja (WPPJ 2016) dikeluarkan kepada penaja tanpa lesen semasa operasi bersepadu yang dilakukan baru-baru ini.

"Tindakan sitaan kenderaan dan barang-barang perniagaan milik mereka juga dilakukan. Kesemua barangan yang disita telah dihantar ke Depoh Perbadanan Putrajaya di Presint 9.

"Kami bukan mahu menutup periuk nasi peniaga tetapi pihak PPj telah berulang kali memberi nasihat dan amaran bahawa mereka memang tidak boleh berniaga di sini, malah berulang kali kompaun telah dikeluarkan tetapi mereka masih berkeras dan degil jadi tindakan tegas terpaksa dilakukan," ujarnya.

Di samping itu, Fauzi berkata dalam usaha memantapkan lagi penguatkuasaan di sekitar Dataran Putra, anggota penguat kuasa PPj ditempatkan secara statik di kawasan tersebut untuk memantau dan meronda sama ada berjalan kaki atau bermotor bagi mengesan sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang dan peraturan

yang telah ditetapkan.

"Sebarang kesalahan yang dikesan akan diberikan teguran serta nasihat dan pesalah diminta beredat dari lokasi serta-merta atau tindakan lebih tegas seperti kompaun dan sitaan akan dilaksanakan," ujarnya tinjauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) turut membantu pihak PPj bagi memantau keadaan semasa.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai AADK Wilayah Persekutuan Putrajaya, **Muhammad Azim Che Ali** turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PPj kerana memberi peluang kepada pihaknya untuk bersama-sama membanteras tindakan tidak bermoral melalui operasi bersepadu itu.

"Kebanyakan peniaga yang berada di sini difahamkan sudah beberapa kali diberikan amaran serta kompaun, jadi rentetan daripada isu itu mungkin memerlukan kerjasama daripada agensi seperti AADK kerana berkemungkinan mereka mempunyai rekod-rekod tambahan lain seperti penyalahgunaan dadah sehingga tidak mengambil endah arahan daripada PPj selain turut melakukan provokasi kepada pihak penguat kuasa.

"Kami telah lakukan ujian saringan air kencing di bawah Seksyen 3(1) APD (R&P) 1983 untuk semakan adakah mereka terlibat secara langsung dengan penyalahgunaan dadah dan barang terlarang atau tidak.

Alhamdulillah selepas membuat semakan kesemuanya menunjukkan keputusan negatif. Sekiranya positif, mereka perlu menjalani rawatan dan pemulihan yang dianjurkan oleh pihak AADK.

"Saya rasa tindakan ini sepatutnya diteruskan dalam memastikan warga Putrajaya berada dalam selamat dan sejahtera. Syabas PPj," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Penolong Pegawai Penguat Kuasa Kanan JPJ, **Rusmadi Othman** berkata tiada sebarang kompaun atau tindakan diambil sepanjang operasi tersebut.

"Tindakan susulan akan diambil selepas advokasi dibuat jadi jika ada kejadian dan kesalahan sama berulang kita akan terus ambil tindakan.

"Pihak JPJ turut mengambil nombor pendaftaran kenderaan mereka dan membuat semakan dalam sistem. Rekod mereka ada dalam simpanan kami. Kami pun sudah memberi peringatan kepada pemandu dan peniaga agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

"Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pihak PPj kerana menjemput kami untuk turut serta dalam operasi ini. InsyaAllah kita akan teruskan

kerjasama ini dan operasi ini akan diteruskan dari semasa ke semasa serta tidak akan berhenti di sini demi ingin memberi keselesaan dan juga nak pemandu untuk patuh kepada peraturan," ujarnya.



FAUZI



AZIM



RUSMADI

Sukan Olimpik Paris 2024

MOM yakin atlet mampu raih emas

SABRINA SABRE

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) menaruh harapan kepada atlet negara dalam beberapa jenis sukan bagi meraih pingat di Sukan Olimpik Paris 2024 yang akan berlangsung pada 26 Julai hingga 11 Ogos ini.

Presidennya, **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria** menjelaskan lima sukan itu ialah badminton, berbasikal, terjun, memanah dan sukan perahu layar, yang mana mempunyai peluang cerah untuk menyumbang pingat kepada kontinjen negara.

“Atlet kita dalam sukan ini mempunyai prospek menyumbang pingat emas di temasya sukan terbesar dunia ini dan sudah tentu sasaran kita yang paling utama ialah pingat emas.

“Tidak sama perasaan jika seseorang itu mempunyai

10 pingat perak berbanding mempunyai hanya satu sahaja pingat emas. Sudah pasti ia berbeza, jadi memang kita sudah sepakat emas mesti digenggam,” ujar beliau.

Bagaimanapun, Mohamad Norza berkata tugas merealisasikan impian emas Olimpik sulung negara itu tidak hanya terletak atas lima sukan tersebut sahaja sebaliknya sukan lain turut dilihat berpeluang menempa nama di temasya berprestij itu.

“Kesemua atlet yang layak ke Olimpik bermaksud mereka juga mempunyai peluang dapatkan pingat, malah sudah berusaha empat tahun untuk sampai kepada peringkat itu, jadi sudah tentu mereka akan cuba sedaya upaya serta bukan sekadar sebagai penumpang sahaja.

“Setiap yang bergelar atlet pasti mengimpikan mampu melayakkan diri ke Olimpik,

jadi mereka sudah sampai ke tahap itu dan tugas kita sekarang adalah untuk berikan segala sokongan agar dapat mempamerkan prestasi terbaik di Paris nanti,” ujarinya.

Dalam masa sama, Mohamad Norza berkata setakat ini atlet berada pada momentum terbaik bagi menggalas cabaran kutipan pingat menerusi temasya tersebut.

“Ada atlet kita yang telah berada di sana sebagai persiapan terakhir mereka, begitu juga beberapa sukan lagi yang ada perancangan mereka sendiri, cuma kita nasihatkan untuk waspada dengan persiapan masing-masing bagi mengelak risiko kecederaan.

“Saya harap semua atlet terlibat berada dalam keadaan terbaik dan tidak mengalami sebarang kecederaan sebelum bermulanya saingan berkenaan,” ujar beliau. 



PEMAIN badminton perseorangan lelaki negara, Lee Zii Jia sedia harungi Olimpik Paris 2024.

FAM bakal kembang Liga Bolasepak Puteri

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) akan mengembangkan penganjuran Liga Bolasepak Puteri Bawah 15 tahun (B-15) dalam misi melahirkan lebih ramai bakat baharu bagi meningkatkan mutu bola sepak wanita di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bolasepak Wanita FAM, **Datuk Suraya Yaacob** berharap lebih banyak pasukan akan menyertai liga itu pada masa akan datang selain hadiah kemenangan dapat ditingkatkan.

“Tahun ini sembilan pasukan sertai dan tahun depan kita harap lebih 10 pasukan akan bersaing.

“Bila banyak pasukan sertai, liga akan lebih panjang jadi sudah tentu hadiah kemenangan lebih tinggi,” ujar beliau.

Terdahulu, Kejohanan Liga Bolasepak Puteri B-15 2024 menyaksikan SSS Leopard FC dinobatkan sebagai juara keseluruhan selepas mengumpul 21 mata daripada lapan perlawanan yang berlangsung selama lapan minggu sekali gus membawa pulang wang kemenangan berjumlah RM15,000 pada Sabtu.

Naib juara diraih

pasukan Velocity Academy yang membawa pulang RM10,000 selepas mengutip 20 mata manakala pasukan Melaka di tempat ketiga dengan 17 mata dan membawa pulang RM5,000.

Pemain Velocity Academy, Putri Mia Alysa Ahmad Zakiyamani, 13, dinobatkan sebagai penjaring terbanyak dan pemain paling bernilai pada kejohanan itu sekali gus membawa pulang trofi dan wang berjumlah RM2,000.

Dalam pada itu, Suraya berkata FAM juga akan

mempergiatkan usaha memperkasakan bola sepak wanita dengan menjalinkan kerjasama bersama Kementerian Pendidikan (KPM) bagi membolehkan lebih banyak sekolah mempunyai pasukan bola sepak lelaki dan perempuan.

“Kita percaya selepas ini kita boleh buat liga bola sepak kategori lebih muda dan lahirkan lebih ramai pemain yang dapat beraksi di pelbagai peringkat pada setiap tahun,” ujarinya. 



AKSI pemain ketika Liga Bolasepak Puteri B-15 2024.



CHERY Malaysia memberi sokongan penuh kepada semua atlet Malaysia yang akan bertanding di sukan Olimpik 2024.

Habuan SUV buat atlet

ATLET negara yang berjaya membawa pulang pingat pada Sukan Olimpik Paris 2024 bakal menerima habuan lumayan berupa sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) oleh jenama automotif dari China iaitu Chery.

Perkara itu dimaklumkan pada satu majlis pemeteraian kerjasama di antara Chery Malaysia dan Majlis Sukan Negara (MSN) baru-baru ini sebagai memotivasikan serta menghargai usaha para atlet bertanding.

Menurut Presiden Chery Malaysia, **Leo Chen**, pihaknya tahu para atlet telah berusaha keras dalam masa yang panjang untuk persediaan ke temasya sukan ini dan berharap habuan tersebut dapat memotivasikan atlet yang bertanding.

“Kami mempunyai harapan tinggi bahawa tahun ini Malaysia

akan mendapat pingat emas pertama yang sangat diinginkan selama ini.

“Kepada kontinjen Malaysia, kalian perlu tahu bahawa Chery Malaysia akan sentiasa memberi sorakan pada setiap jejak perjalanan anda,” ujar beliau.

Dalam masa sama, Leo berkata habuan itu berupa SUV Tiggo 8 Pro bagi atlet yang membawa pulang pingat emas, Omoda E5 untuk pemenang pingat perak sementara Tiggo 7 Pro bagi pemenang gangsa.

Sementara itu, Ketua Pengarah MSN, Abdul Rashid Yaakub mengharapkan supaya perkhbarannya itu sekali gus dapat merangsang atlet memberikan yang terbaik serta membanggakan negara pada temasya yang akan bermula 26 Julai hingga 11 Ogos itu. 

Cantik bukan jaminan

ADA yang cakap, cantik dan kaya boleh menjamin kebahagiaan. Namun, kenapa masih ada pasangan yang curang, ditinggalkan dan meninggalkan?

Di alam rumah tangga,

perceraian adalah perkara yang paling menyakitkan, ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tidak terkecuali selebriti. Apa yang membezakan mereka dikenali ramai dan kisah tersebut akan hangat

diperkatakan.

Namun, usahlah kita membuat spekulasi terhadap episod perceraian orang lain kerana hakikatnya tiada pasangan yang berkahwin inginkan perpisahan.

Sangkal dakwaan isu kewangan

ENGKAN kisah perceraiannyanya mencetuskan spekulasi liar, pelakon **Nora Danish** menyangkal dakwaan punca perpisahan dengan bekas suami, Nedim Nazri mempunyai kaitan dengan masalah kewangan.

Ujar Nora Mohd Danish Hanif, 42, dia dan Nedim berharap orang ramai tidak menimbulkan sebarang teori yang mampu menjejaskan keharmonian kedua-dua belah pihak.

“Saya harap anda semua dapat menghormati perpisahan kami dan tidak timbulkan sebarang

teori. Ini kerana saya sangat mementingkan keharmonian kedua-dua keluarga.

“Saya sangkal dakwaan masalah kewangan menjadi punca perpisahan. Kami sudah duduk berasingan enam bulan dan cuba selamatkan rumah tangga dibina tujuh tahun lalu, kita hanya merancang, Allah yang menentukan.

“Kami percaya pasti ada hikmah terbaik pada pengakhiran cerita kami berdua,” katanya

selepas prosiding perceraian pada 18 Jun lalu.

Nedim, 41, melafazkan cerai talak satu di hadapan Hakim Syarie, Abdul Fattah Datuk Kamarudin pada pukul 8.40 malam.

Menurut pelakon Puteri itu lagi, mereka mahu mengekalkan hubungan baik demi anak-anak bahkan sepakat mengambil keputusan berpisah secara baik.

“Kami memang baik, setiap manusia lulus ujian berbeza-beza. Tapi untuk capai tahap keredaan dan datang bersama ke mahkamah pada hari ini bukanlah mudah. Bagaimanapun, pengalaman sebelum ini memantapkan kami.

“Kami hanya ingin membesarkan anak-anak dengan kasih sayang dan positif. Harap anda semua doakan yang terbaik,” ujarnya.

Terdahulu, Nora mengesahkan perkahwinannya dengan Nedim dibina sejak 2017 sedang bergolak.

Pasangan terbabit mendirikan rumah tangga pada 30 Mac 2017 dan dikurniakan anak lelaki, Mohamed Neqayl yang kini berusia enam tahun.

Sebelum ini, Nora pernah berkahwin dengan Datuk Rizal Ashram Ramli atau Jejai pada 20 Jun 2006 dan dikurniakan anak lelaki, Putra Rayqal, 15, sebelum bercerai pada 2008.



Adira, Datuk Red tiada persefahaman

HUBUNGAN pasangan sensasi Adira Suhaimi, 32, dan Datuk Seri Adnan Abu atau Datuk Red, 46 akhirnya terlerai dengan talak satu di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Kuang, Selangor pada April lalu.

Sebelum ini, Peguam Syarie, Muhammad Akmal Amzan yang mewakili suami ita memaklumkan punca penyanyi ita memfailkan perceraian buat kali kedua kerana tiada persefahaman.

Dalam masa sama, Adira juga bersetuju untuk tidak menuntut sebarang nafkah terhadap Datuk Red. Pada 25 Oktober tahun lalu, Adira memfailkan perceraian berikutan tiada persefahaman.

Sebelum ini, Adira pernah memfailkan perceraian pada 2019, namun menariknya semula demi anak-anak.

Adira berkahwin sebagai isteri kedua di Songkhla, Thailand pada 3 Disember 2015.

Hasil perkahwinan, pasangan itu dikurniakan empat orang anak iaitu Anggrek, 6; Asan, 5; Anggun, 4, dan Ayob yang kini berusia setahun.

Perkahwinan Datuk Red dengan isteri pertamanya yang dikenali sebagai Datin Red atau Datin Seri Sharifah Norshafil turut berdepan ujian apabila isteri pertamanya itu memfailkan permohonan saman.



Isu curang runtuhkan mahligai Bella

RUMAH tangga pasangan selebriti Aliff Aziz dan **Bella Astillah** sekali lagi menemui jalan perpisahan selepas Aliff melafazkan cerai talak satu pada Jun 2024 di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Sebelum itu, satu Malaysia ‘disajikan’ dengan berita kecurangan Aliff Aziz dengan beberapa artis wanita dan terbaharu ditangkap khalwat dengan pelakon Ruhainies.

Bella mendakwa suaminya, Aliff Aziz pernah berlaku curang terhadapnya sebanyak 11 kali termasuk dengan adik kandungnya.

Dalam masa yang sama, Bella mempunyai cukup bukti terhadap setiap perbuatan curang suaminya itu.

“Orang tahu Aliff curang empat dan lima kali sahaja tapi sebenarnya 11 kali. Saya ada bukti dan Aliff tahu semua ini,” katanya.

Aliff mendirikan rumah tangga dengan Bella pada 9 September 2016, namun pernah bercerai pada 16 Mei 2019 sebelum rujuk semula dalam tempoh idah.

Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Mohamad Ayden Adrean dan Ara Adreanna.



Status kewangan bukan punca ▶▶ 23

MOM yakin atlet mampu raih emas ▶▶ 22

Ibu bapa uzur dianggap beban

Reda Allah terletak pada reda ibu bapa

SYED HAZIQUE

MENJAGA ibu bapa uzur adalah tanggungjawab yang penting khususnya buat anak-anak kerana inilah caranya untuk menunjukkan penghargaan kepada insan yang sanggup berkorban apa sahaja demi membesarkan kita.

Ketika mereka diuji dengan masalah kesihatan maka waktu inilah sepatutnya direbut peluang untuk berbakti kepada mereka dengan membantu memudahkan urusan, memastikan kesihatan terjaga dan memberi sokongan emosi yang diperlukan.

Malah tanggungjawab yang dilaksanakan ini perlulah dilakukan dengan penuh kasih sayang seperti mana mereka menjaga dan mendidik kita dengan penuh kelembutan semasa kecil.

Walau bagaimanapun dapat dilihat semakin hari ramai yang mengabaikan tanggungjawab menjaga insan penting ini di mana sesetengahnya menolak untuk menjaga ibu bapa yang dianggap remeh dan menyusahkan hidup.

Secara sengaja atau tidak, memelihara orang tua menjadi beban kepada anak sama ada yang masih bujang apatah lagi yang sudah berkeluarga. Yang bujang akan beralasan mereka baru sahaja bekerja dan tidak mempunyai pendapatan cukup.

Sementara anak yang sudah berkeluarga pula sering memberi alasan kos sara hidup semakin mencengkam serta rumah yang sempit tidak memungkinkan mereka memelihara ibu bapa. Tambah sukar apabila pasangan tidak menyukai mentua tinggal bersama.

Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, **Datuk Mohamad Abdullah** berkata adalah menjadi kewajipan buat anak untuk berkhidmat kepada ibu bapa yang memerlukan bantuan ataupun uzur.

"Islam sangat menganjurkan supaya



BERBAKTI kepada ibu bapa bukan setakat semasa mereka masih hidup bahkan perlu berterusan walaupun mereka sudah meninggal dunia. - Gambar hiasan

memuliakan dan menghormati ibu bapa sebagaimana dititikberatkan dalam Al-Quran serta hadis tanpa terbatas atau terikat dengan masa atau tempat. Malah kewajipan kepada anak adalah berpanjangan dan berkekalan sepanjang hayat.

"Mengabaikan tanggungjawab oleh anak terhadap ibu bapanya yang uzur bermakna tidak menunaikan hak buat kedua ibu dan bapanya," katanya.

Tambah Mohamad, anak perlu mengutamakan ibu bapa kerana Islam meletakkan kemuliaan ibu bapa selepas Allah SWT dan Rasul-Nya berdasarkan hadis keredaan serta kemurkaan Allah bergantung kepada ibu bapa.

"Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *Keredaan Allah terletak pada keredaan ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa.* Riwayat at-Tirmizi.

"Berbakti kepada ibu bapa bukan setakat semasa mereka masih hidup, malahan perlu berterusan walaupun sudah meninggal dunia. Anak yang baik dan taat kepada ibu bapa tidak akan melupakan jasa serta pengorbanan yang mereka dilakukan," ujarnya.

Jelas beliau, seorang anak merupakan insan yang bertuah jika dapat berbakti kepada kedua orang tuanya.

"Seseorang insan yang bergelar anak sempat bersama atau berbakti kepada kedua ibu bapanya merupakan orang yang sangat bertuah dan beruntung.

"Ini kerana, Nabi SAW pernah bersabda orang yang hina adalah orang yang sempat bersama ibu bapanya tetapi kesempatan yang ada itu tidak membolehkannya dia untuk dimasukkan ke dalam syurga," ujarnya.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: "*Kehinaan, kehinaan, kehinaan.*" Baginda ditanya: "*Siapa (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?*" Rasulullah menjawab: "*Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.*" Riwayat Muslim (2551).

Ujarnya lagi, menjaga ibu bapa terutama yang uzur terletak bukan sahaja di bahu anak lelaki bahkan anak perempuan.

"Tanggapan anak perempuan terlepas daripada tanggungjawab menjaga ibu bapa selepas berkahwin tidak benar sama sekali.

"Setiap anak wajib berbuat baik bukan sahaja terhadap ibu kandung bahkan mentua, ibu angkat, ibu tiri mahupun sekadar ibu susuan," katanya.

Mohamad menegaskan ibu bapa merupakan anugerah yang istimewa buat setiap insan maka adalah menjadi kewajipan setiap anak untuk menjaga kedua ibu bapa mereka dan memberi khidmat yang terbaik.





SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

